C
1

# KALAU TAK DAPAT TANDUK...

OLEH DATUK RAJA NASRON

# KALAU TAK DAPAT TANDUK...

126164

*Reka bentuk : Alias Abas*

Penerbit
Datok Raja Nasron
Tingkat 3, Baungunan Bank Bumiputra
Jalan Ampang,
Kuala Lumpur.

OLEH DATUK RAJA NASRON

Cetakan Pertama 1979

Harga: $2.50

M
320.9595
NAS

126164

Dicetak
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.
No. 2, Jalan 202,
Petaling Jaya,
Selangor.
Tal. 564201

Perpustakaan Negara
Malaysia

## KANDUNGAN

Mula berkecimpung dalam politik ..........................1
Penentangan terhadap Freemason ..........................5
Anasir pro-Komunis dalam UMNO dan Kerajaan ....9
Penyelewengan di UDA (Pembangunan Bandar)....21
Semasa di Parlimen .......Tidak dapat tanduk..........24
Kuala Selangor - Kubu Datuk Harun......................34
Peristiwa Langgak Duta ..........................................49
Dilema Wakil Rakyat ..............................................51
Kisah MISC lebih hebat dari Bank Rakyat .............53

## MULA BERKECIMPUNG DALAM POLITIK

Banyak sebab-sebab yang mendorong seseorang menceburkan diri dalam politik. Adakalanya oleh kerana keadaan, keinginan untuk mengubahkan masyarakat supaya lebih adil menurut ideologi masing-masing dan juga untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Saya mula cenderung kepada politik sejak di zaman Jepun setelah melihat kezaliman yang dilakukan oleh tentera Jepun ketika itu dan penindasan yang dilakukan terhadap rakyat.

Ketika pemerintahan Jepun di Singapura pada tahun 1941 saya telah menubuhkan dan menjadi Ketua satu pasukan sulit di Syonato (Singapura) untuk menentang Jepun. Pertubuhan itu dikenali dengan nama Pembela Tanah Melayu atau PTM; tiap-tiap ahlinya mengenalkan diri masing-masing dengan memakai inai di jari telunjuk. Oleh itu P.T.M. juga dikenali dengan panggilan Pasukan Telunjuk Merah. Antara ahli-ahlinya yang terkemuka ialah Bekas Ketua Menteri Melaka Datuk Ghani Ali. Pasukan ini menja-

lankan aktiviti-aktiviti sulit membekalkan pakaian, ubat dan makanan kepada penduduk-penduduk di sekitar Seletar dan Gelang. Ahli-ahli pasukan ini memecahkan setor-setor dan merampas makanan dari setor Jepun pada waktu malam. Saya pernah dicari oleh pihak Jepun kerana kegiatan PTM tetapi saya tidak pernah ditangkap oleh pihak Jepun.

Sesudah tamatnya perang dunia ke-2 saya menjadi ahli biasa Angkatan Pemuda Insaf tetapi oleh kerana ideologi API terlalu kiri saya telah meninggalkan Pertubuhan itu. Pada tahun 1961 saya menceburkan diri di dalam UMNO. Pada tahun 1964 saya menjadi Ketua UMNO Bahagian Damansara sehingga tahun 1974.

Saya pernah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam selama 12 tahun. Pernah juga saya menjadi Pegawai Kakitangan di Keretapi Tanah Melayu hingga 1961; iaitu sesudah melanjutkan pelajaran di bawah Rancangan Colombo, di London School of Economics, London University pada tahun 1957 - 1960. Di L.S.E.-lah mula pertama kali saya mengenali Kelab Sosialis yang dianggotai oleh pelajar-pelajar universiti.

Selepas meletakkan jawatan pada tahun 1961, saya menceburkan diri dalam lapangan baru - perniagaan dan perindustrian. Pada tahun 60-an, saya menjadi Setiausaha Dewan perniagaan dan Perusahaan Melayu Selangor. Saya juga adalah Setiausaha Agung yang pertama Dewan Bersatu (United Chamber of Commerce) yang sekarang ini dikenali dengan National Chamber of Commerce. Pertubuhan ini diasaskan bersama-sama dengan Datuk Mahmood Ambak dengan mendapat sokongan kuat dari Tan Sri Haji Khalid yang ketika itu menjadi Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan.

**Peristiwa 13 Mei, 1969 dan masa hadapan pimpinan:**

Meletusnya peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 meninggalkan kesan dan memberi keinsafan kepada saya. Saya menyedari bahawa masa hadapan negara bergantung kepada pucuk pimpinan yang bertanggungjawab serta boleh mewujudkan perpaduan kaum tanpa mengorbankan hak-hak kaum Bumiputera. Keputusan Pilihanraya bulan Mei, 1969 telah menunjukkan bahawa kekuatan politik orang Melayu telah tergugat oleh parti-parti politik yang bukan Bumiputera yang telah dapat menawan beberapa kerusi di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri Selangor khasnya. Perkembangan ini membawa kesan-kesan yang negatif terhadap keharmonian kaum.

Politik Negara bertambah kacau hingga satu keadaan darurat terpaksa dikenakan dan semua kegiatan politik diharamkan. Persidangan Parlimen juga digantung dan Pentadbiran Negara dijalankan oleh Majlis Tindakan Negara. Perdana Menteri ketika itu, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah "mengundur diri" dan Allahyarham Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Pengarah Gerakan di bawah pemerintahan Majlis Tindakan Negara (Mageran).

Politik dalam UMNO sendiri menempuh keadaan yang genting apabila Tengku Abdul Rahman memecat Dr. Mahathir Mohamad seorang ahli MKT pada masa itu.

Saya bersimpati dengan Dr. Mahathir kerana bagi saya Dr. Mahathir pada masa itu, adalah seorang yang memperjuangkan hak-hak Bumiputera dengan berani dan tidak teragak-agak mengecam pimpinan yang ketika itu saya anggap tidak tegas dalam soal-soal yang bersangkut dengan kedudukan Bumiputera. Saya ber-

pindah dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan bersama-sama Tuan Haji Sulaiman Palestin telah mengadakan lawatan ke cawangan-cawangan UMNO di Pulau Pinang untuk memberi penerangan tentang pertelingkahan Tengku dan Dr. Mahathir. Saya, Tuan Haji Sulaiman Palestin serta Datuk Hamzah Abu Samah pernah mengadakan pertemuan dengan Allahyarham Tun Razak untuk menjamin kedudukan dan kekuatan UMNO dalam pemerintahan Mageran.

Pada tahun 1974 Allahyarham Tun Razak dan bekas Ketua Perhubungan UMNO Selangor Datuk Harun Haji Idris telah memberi peluang kepada saya untuk bertanding atas tiket Barisan Nasional di kawasan Kuala Selangor. Dalam pilihanraya tersebut saya telah menewaskan Encik Hashim Mahmood seorang calon Bebas dengan kelebihan undi 7,000.

Saya menjadi wakil Rakyat selama 3½ tahun dan dalam masa itu dapat juga saya membuat sedikit sebanyak pembongkaran kepada beberapa isu yang saya rasa telah meninggalkan kesan kepada sejarah Negara.

## PENENTANGAN TERHADAP FREEMASON

Oleh kerana saya yakin bahawa amalan Pertubuhan Freemason itu bertentangan dengan akidah Islam dan juga menjadi ancaman kepada negara saya tidak kenal kompromi di dalam isu tersebut. Saya mula mengemukakan soalan mengenai Freemason pada 28hb. Oktober, 1976. Saya telah terus membuat pertanyaan mengenai perkara tersebut pada tiap-tiap kali Dewan Rakyat bersidang dengan tujuan untuk mendapat penerangan yang lebih lanjut mengenai "Kongsi Gelap" ini.

Pada 13hb. Julai, 1977 saya membuat satu ucapan penangguhan bertajuk "Simbol Fremason dan kaitannya dengan Yahudi". Tujuan saya membuat pertanyaan dan kenyataan dalam Dewan Rakyat ialah untuk menyedarkan masyarakat tentang bahayanya Pertubuhan itu dan juga menolong pihak Kerajaan dalam siasatan yang dikatakan sedang dilakukan.

Penentangan saya terhadap gerakan Freemason bukan setakat di Parlimen sahaja. Saya telah menyediakan satu laporan mengenai gerakan itu yang telah di-

bentangkan di Perhimpunan UMNO Selangor di Kuala Kubu Baharu pada 16hb. April, 1977. Laporan saya itu juga mengandungi nama-nama ahli Freemason keturunan Melayu yang terlibat. Laporan ringkas dan pendedahan nama-nama itu menggemparkan negara kerana melibatkan nama-nama Menteri, Pegawai Tinggi Kerajaan, Pegawai Tinggi Polis, hakim-hakim dan juga peniaga-peniaga bumiputera yang terkemuka. Setakat yang dapat diketahui tidak ada pun mereka yang namanya tercatat dalam senarai saya, membuat sebarang penafian tegas.

Hanya 3 hari selepas "This great exposure" atau "Pendedahan Agung" ini kumpulan akhbar yang paling berpengaruh telah memuat pada muka hadapannya "Freemason tidak salah". Berita ini menyebut Pendaftar Pertubuhan ketika itu sebagai berkata pertubuhan Freemason sudah wujud begitu lama dalam negeri dan tidak ada kaitan dengan luar negeri.

Saya menyangkal keras hujah Pendatar Pertubuhan dan telah mencabar supaya satu dialog mengenai Freemason diadakan. Cabaran saya tidak diendahkan dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh saya sampai sekarang ini tidak dijawab.

Saya juga pernah diundang untuk memberi ceramah di Universiti Malaya dalam satu Forum mengenai Freemason. Turut memberi ceramah ialah pengarah dakwah Ustaz Ahmad Awang. Forum tersebut dipengerusikan oleh YM Raja Moktharruddin seorang pensyarah di Universiti tersebut.

Mungkin banyak orang tidak tahu bahawa saya pernah menjadi Ahli Lions Club, satu kelab sekular yang menurut Rabitah Alam Islami ada mempunyai kaitan dengan Zionisme.

Saya pernah menjadi "Tail Twister-pemintal ekor". Tugasnya ialah untuk mengutip wang. Tetapi saya telah keluar dari menjadi "member" selepas satu jamuan makan tengah hari yang diadakan oleh kelab tersebut. Saya bertindak demikian kerana pada peristiwa tersebut, Encik V. Devan Nair yang telah diundang telah menggunakan kesempatan tersebut untuk mengkritik dasar-dasar Kerajaan yang berhubung dengan hak keistimewaan orang-orang Melayu. Saya membantah dan rasa kurang senang dengan perkara ini kerana menurut peraturan kelab Lion, perkara politik tidak boleh diperkatakan.

Saya sekarang bertambah yakin bahawa, selepas Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Sheikh Mohsein sendiri menuduh bahawa kelab sekular itu ada hubungan dengan Zionisme pertubuhan itu tidak boleh dianggap ringan. Baru-baru ini pun ada seorang Yang Dipertua Kelab Lion yang telah mencadangkan supaya sebuah Universiti lagi ditubuhkan di Ipoh. Saya menganggap perkara ini agak aneh kerana kelab yang digambar-gambarkan membuat kebajikan di sana-sini menimbulkan soal pelajaran tinggi. Apatah lagi di Malaysia perkara ini berkait langsung dengan politik. Isu peluang pelajaran tinggi telah digunakan dalam Pilihanraya yang lalu.

Adalah di luar kemampuan saya untuk membuktikan bagaimana Kelab Lion ini boleh dikatakan berbau Yahudi Zionist, tetapi beberapa perkara perlu diambil kira. Tidaklah menasabah Rabitah Islam satu badan Islam yang terkemuka di dunia membuat tuduhan tanpa usul periksa. Kelab Lion adalah satu pertubuhan antarabangsa yang mempunyai banyak cawangan seperti di Australia dan England. Dan hubungan antara kelab-kelab Lion ini sentiasa terjalin

rapat melalui persidangan-persidangan yang diadakan.

"Satu-satu tuduhan yang tidak boleh dibukti tidak bermakna tidak ada mempunyai asas". Saya berpendapat pihak Lions sendiri wajib menafikan tuduhan tersebut jika ia tidak berasas.

## ANASIR PRO KOMUNIS DALAM UMNO DAN KERAJAAN

Pembongkaran anasir-anasir pro-komunis dalam UMNO telah dapat juga dilakukan ketika saya menjadi Wakil - Rakyat. Saya memandang berat penglibatan Ahli Dewan Rakyat yang telah ditahan oleh Kerajaan kerana kegiatan pro-komunis. Ini menyebabkan saya membawa usul merujukkan keanggotaan Datuk Abdullah Ahmad, Ahli Dewan Rakyat Kawasan Machang dan Encik Abdullah Majid kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan tujuan menghalusi dan mengkaji keanggotaan mereka sebagai Ahli Dewan Rakyat. Saya memikirkan perlu dibentangkan usul itu memandangkan bahawa mereka telah mengaku terlibat dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis dan juga melanggar sumpah dan ikrar yang telah mereka lafazkan sebagai Ahli Dewan Rakyat. Perkara ini telah diketahui umum kerana cadangan tersebut telah terisar di dalam beberapa akhbar tempatan tetapi pada ketika dan waktu yang dijadualkan untuk saya membawa usul tersebut usaha itu saya batalkan kerana sebab-sebab tertentu.

Sebuah akhbar tempatan ada menyebut perkara komunis dalam Kerajaan seperti laporannya bertarikh 21.5.1976. Laporan tersebut adalah seperti berikut:-

KUALA LUMPUR 21 Mei - Datuk Abdullah Ahmad dan Encik Abdullah Majid hari ini disingkirkan dari UMNO, kerana penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan anasir komunis.

Keputusan menyingkirkan kedua orang bekas Timbalan Menteri itu dibuat dengan "sebulat suara" oleh Majlis Tertinggi UMNO Malaysia yang bersidang selama empat jam di sini pagi ini.

Pemangku presiden UMNO Malaysia, Datuk Hussein Onn ketika mengumumkan demikian hari ini berkata, "Majlis Tertinggi bersetuju memecat kedua orang itu demi menjaga kepentingan dan keutuhan parti."

Tindakan tersebut diambil enam bulan selepas mereka ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana penglibatan mereka dalam kegiatan yang dianggap mengancam keselamatan negara itu.

Datuk Abdullah Ahmad ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar manakala Encik Abdullah Majid Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan sidang itu pagi ini, Perdana Menteri memberitahu bahawa sidang tersebut bagaimanapun tidak membincangkan kedudukan mereka sebagai anggota Dewan Rakyat.

"Ini adalah kerana Majlis Tertinggi hanya berhak membincangkan kedudukan mereka sebagai ahli

UMNO, dan tidak boleh menyentuh tentang kedudukan mereka sebagai ahli Parlimen," kata beliau.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kedudukan seorang ahli Parlimen itu adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan. Tetapi jika sesuatu kesalahan itu tidak termaktub di dalamnya, maka terpulanglah kepada Dewan Rakyat atau Dewan Negara sendiri memutuskannya.

Menurut beliau, Dewan Rakyat dan Dewan Negara mempunyai kuasa dan hak untuk menggugurkan mana-mana ahli jika difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Parlimen.

"Jika Dewan Rakyat mempersetujuinya, jawatankuasa tersebut boleh mengkaji perkara itu dengan teliti dan kemudiannya membuat laporan untuk dikembalikan kepada pihak Dewan.

"Satu usul kemudiannya perlu dibuat supaya ia dipersetujui oleh ahli-ahli Dewan," jelas beliau.

Ditanya mengapa Majlis Tertinggi mengambil masa begitu lama untuk menyingkirkan kedua Abdullah itu Datuk Hussein berkata; Majlis Tertinggi tidak mahu membuat keputusan secara terburu-buru dan memecat seseorang ahli itu dengan sewenang-wenang sahaja.

"Tiap-tiap keputusan untuk memecat seseorang ahli itu hendaklah dikaji dengan penuh teliti dan mengikut peraturan-peraturan tertentu," katanya.

Akhbar Watan yang bertarikh 12hb. Julai, 1977 telah menyiarkan berita mengenai usul yang dicadangkan itu seperti berikut:-

KUALA LUMPUR 11 Julai - Anggota Parlimen Kuala Selangor, Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak menarik balik usul mengenai keanggotaan tiga orang wakil rakyat, Datuk Abdullah Ahmad, Encik Abdullah Majid dan Encik Chiang Heng Kai.

Menurut jadual usul itu sepatutnya dikemukakan kepada sidang petang ini selepas Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Persatuan Peladang (pindaan).

Datuk Raja Nasron memberitahu Watan: "Saya menarik balik usul itu setelah mendapat penjelasan dan pengakuan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn berhubung dengan kedudukan ketiga-tiga anggota Dewan itu.

"Saya berpuas hati atas penjelasan dan pengakuan Datuk Hussein Onn itu kerana pihak berkenaan telah, sedang dan akan mengambil langkah untuk mengambil tindakan tegas terhadap Datuk Abdullah dan Abdullah Majid.

"Saya berpendapat jawapan itu adalah sesuai dengan kehendak Dewan yang mulia ini," tegas Datuk Raja Nasron.

Dalam suratnya kepada Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Ahmad Kamil pula, Datuk Raja Nasron berkata: "Saya telah menerima penjelasan berkenaan kedudukan tangkapan ahli-ahli yang berhormat yang dikemukakan dalam usul saya ini.

"Dengan penerangan itu saya berpuas hati bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan adalah memadai dan cukup untuk memelihara kehormatan Dewan ini."

"Dari itu saya, menurut Fasal 29 Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, menarik balik usul tersebut . . . . . "

Datuk Raja Nasron mengemukakan dalam usulnya supaya Dewan Rakyat mengambil ketetapan merujukkan perkara keahlian Datuk Abdullah Ahmad (BN-Machang), Encik Abdullah Majid (BN-Raub) ke Jawatankuasa Hak dan kebebasan.

Ini dengan tujuan menghalusi dan mengkaji keanggotaan mereka sebagai ahli Dewan Rakyat Malaysia memandang mereka.

*Ada terlibat dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis, dan, *Melanggar sumpah dan ikrar taat setia yang telah mereka lafazkan sebagai Ahli Parlimen di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Perlembagaan Persekutuan tidak memberi peruntukan jika soal kelayakan seseorang Ahli Parlimen jika didapati pro-komunis atau aktiviti-aktiviti komunis.

Bagaimanapun Fasal 53 Perlembagaan Persekutuan memberi peruntukan jika soal kelayakan seseorang Ahli Parlimen ditimbulkan, maka Dewan hendaklah mengambil keputusan dan keputusan itu adalah muktamad. Walau bagaimanapun saya telah menyediakan ucapan pembentangan usul itu yang disiarkan sepenuhnya di sini. Usul bagi dibentangkan di Majlis Mesyuarat Parlimen ke-4, Mesyuarat ke-2, Penggal ke-3 (Oleh: Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak)

## PEMECATAN MENJADI AHLI DEWAN RAKYAT

Dewan ini mengambil ketetapan untuk merujukkan perkara keanggotaan Y.B. Datuk Abdullah Majid (Ah-

li Dewan Rakyat Kawasan Machang), Y.B. Tuan Abdullah Majid (Ahli Dewan Rakyat Kawasan Raub) dan Y.B. Chiang Heng Kai (Ahli Dewan Rakyat Kawasan Batu Gajah) kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan tujuan menghalusi dan mengkaji keanggotaan mereka sebagai Ahli Dewan Rakyat Malaysia memandangkan mereka:-

1) Ada terlibat di dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis.
2) Melanggar sumpah dan ikrar yang telah mereka lafazkan sebagai Ahli Parlimen di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Per: **PEMECATAN MENJADI AHLI DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang Dipertua,

Usul yang saya sampaikan tadi, dikemukakan demi kepentingan Negara dan Rakyat Malaysia. Y.B. Ahli Kawasan Raub telah mengakui bahawa mereka, bukan sahaja terlibat di dalam kegiatan-kegiatan prokomunis, tetapi telah membuat hubungan dengan sebuah kedutaan negara komunis di Malaysia. Hubungan dengan Kedutaan Negara Komunis di Malaysia telah berjalan sekian lama dan beberapa maklumat dan rahsia-rahsia Kerajaan telah bertukar tangan. Perbuatan ini tidak boleh dinafikan mendatangkan bahaya besar pada segi keselamatan negara, bangsa dan agama. YB Ahli Kawasan Batu Gajah telah melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti pro-komunis sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya memandang berat atas perkara ini kerana YB Datuk Abdullah Ahmad dan YB Encik Abdullah Ma-

jid, bukan hanya menjadi ahli Parlimen biasa tetapi telah diberi amanah serta kepercayaan biasa tetapi telah diberi amanah serta kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri. Kedua-duanya telah bersumpah di hadapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan dengan nama Allah Yang Maha Berkuasa, berikrar tidak akan membocorkan rahsia-rahsia negara. Membelakangkan sumpah tersebut, bukan hanya satu perbuatan khianat kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan YAB Perdana Menteri, tetapi adalah satu penderhaka kepada Allah s.w.t. Sebagai Ahli Parlimen mereka telah melanggar sumpahnya di Parlimen dengan pengkhianatannya itu. Saya masih ingat sumpah dan ikrar yang berbunyi seperti berikut:-

> Saya . . . . setelah dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah dengan ini mengangkat sumpah/berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagaimana yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya, akan menumpukan taat setia yang sebenarnya kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

Kita hendaklah sedar bahawa musuh utama negara kita adalah Komunis. Pasukan bersenjata kita berjuang berhabis-habisan menentang pengganas komunis. Segala pengorbanan yang dibuat oleh ahli pasukan keselamatan tidak dapat dibalas oleh negara. Ratusan ribu rakyat Malaysia dari semua kaum, telah ditimpa tragedi, iaitu dengan kematian dengan kehilangan anak, suami, tunang, abang, adik, saudara-mara dan rakan-rakan mereka kerana keganasan komunis. Malahan, saya percaya, ada di antara ahli Yang Berhor-

mat sendiri mempunyai saudara-mara dan rakan sahabat yang telah gugur serta dibunuh oleh komunis. Titisan darah yang mengalir dari tubuh dan jasa perajurit kita yang terkorban; cucuran air mata dan tangisan waris-waris dan keluarga yang ditinggalkan oleh perajurit, tidak boleh diperingan-ringankan.

Anggota Pasukan Keselamatan dan Pasukan Polis yang masih berkhidmat, kerana mempunyai disiplin yang terpuji, tidak dapat menunjukkan perasaan atau membuat bantahan terhadap penglibatan kedua-dua Yang Berhormat Abdul itu. Baru-baru ini di suatu Mesyuarat Agung Persatuan Bekas-Bekas Perajurit, Ahli-Ahli Persatuan itu telah berteriak-teriak, menjerit-jerit "gantung kedua-dua Abdul! Beri kami gantung mereka". Inilah dia gambaran perasaan benci anggota pasukan keselamatan terhadap perbuatan derhaka kedua-dua Y.B. Abdul kepada bangsa, negara dan agama.

Bersubahat dengan Komunis adalah satu lagi sebab-sebab yang telah membawa kepada ribuan bilangan perajurit kita terkorban. Negara kita terpaksa berbelanja jutaan ringgit untuk menentang mereka. Disebabkan adanya pengkhianatan itu maka bertambah berlanjutan keadaan negara kita terancam.

Kesemua kita yang duduk di dalam Dewan Yang Mulia ini tidak akan terkecuali daripada dendam dan ancaman komunis sekiranya mereka berkuasa memerintah Malaysia. Sebuah negara jiran kita, disebabkan utara, telah dikuasai oleh komunis dan pada masa ini komunislah yang memerintah negara tersebut. Kerajaan komunis yang mengambil alih kuasa pemerintahan telah mencari semua rakyat negara tersebut, yang diketahui (secara langsung atau tidak langsung) menentang komunis, iaitu di mana komunis menjalankan

pemberontakan dahulu, dan orang-orang bersikap anti komunis itu dibunuh oleh mereka dengan kejam. Bukan hanya orang-orang yang terlibat itu diseksa dan dibunuh tetapi keluarganya pun dihapuskan; anak-anak kecil yang berumur bulanan dibunuh dengan cara kejam oleh komunis. Perbuatan kejam komunis itu dirancangkan oleh mereka kerana parti komunis yang berkuasa di negara tersebut hendak mencipta satu masyarakat yang tidak mempunyai sedikit pun hubungan dan simpati dengan pemerintah yang lampau. Ini akan terjadi di Malaysia jika kita tidak awasi dan tidak berhabis-habisan menentang komunis dan tali-tali barut mereka. Kita tidak boleh bertolak-ansur dengan sesiapa jua yang telah didapati terlibat di dalam kegiatan pro-komunis, terutama dari golongan pemimpin yang diberi kepercayaan oleh rakyat.

Menentang perbuatan dan pengkhianatan tali-tali barut komunis tanpa ketegasan, adalah satu sikap yang merendahkan pengorbanan dan perjuangan perajurit-perajurit kita. Sikap Kerajaan, jika kurang tegas mengambil tindakan ke atas kedua-dua bekas Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen Kawasan Batu Gajah itu, akan melemahkan moral dan semangat perjuangan Ahli Pasukan Keselamatan kita.

Dari itu saya berpendapat bahawa Y.B. Ahli Parlimen Kawasan Machang, dan Raub tidak layak duduk di dalam Dewan Yang Mulia ini sebagai ahli Parlimen. Pengkhianatan mereka telah mencemarkan nama baik Dewan ini. Nama mereka akan dicatat di dalam ingatan rakyat dan sejarah tanah air, sebagai penderhaka dan pengkhianat negara. Saya menyeru agar semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong usul ini dengan satu pendirian bahawa berani kita adalah atas kebenaran. Kebenaran yang diperjuangkan adalah berdasarkan kepada kepercayaan penuh terhadap Allah

dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada D.Y.M. M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan pemimpin negara.

Sekian terima kasih.

Cadangan saya supaya dilucutkan keahlian wakil-wakil rakyat yang terlibat dengan kegiatan komunis telah dibawa ke mesyuarat pre-council Barisan Nasional dan dibahaskan dengan panjang lebar. Sepanjang ingatan saya, Datuk Asri, Presiden PAS (ketika itu PAS di dalam Barisan Nasional) dan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Tuan Haji Suhaimi telah menyokong kuat cadangan itu memandang bahawa cadangan tersebut sudah tercatat dalam kertas perintah Parlimen untuk dibahaskan oleh Dewan Rakyat.

Sebelum tertangkapnya kedua-dua Abdul, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut, 22hb. Jun, 1976.

Kenyataan akhbar Kementerian Hal Ehwal Negeri Singapura. Kerajaan telah menahan pada 16hb. Jun 1976 Hussein Jahidin, Pengarang akhbar Harian Melayu, Berita Harian Singapura dan Azmi Mahmood Penolong Pengarang akhbar yang sama.

Sejak beberapa ketika kerajaan memerhatikan bahawa Berita Harian Singapura telah melaporkan berita-berita mengenai komunis dan agama Islam dengan cara yang tidak bersesuaian terhadap kewartawanan yang bertanggungjawab. Rencana-rencana dan berita-berita telah diolahkan sebegitu rupa hingga menonjolkan kebaikan komunis dan pada masa yang sama mengecam prinsip-prinsip Islam.

## SEJARAH KESELAMATAN

Hussein Jahidin pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 2hb. Februari 1963 kerana terlibat dengan aktiviti-aktiviti pelemah komunis dalam Kesatuan Sekerja pekerja-pekerja Am Singapura. (Singapura General Employees Union) Beliau telah dibebaskan pada 10hb. Mei 1965 di bawah perintah terhad, sebelum terlibat dengan gerakan-gerakan pelemah komunis beliau menjadi pemberita di akhbar Harian Utusan Melayu Singapura. Beliau berkata beliau diperkenalkan kepada ideologi komunis oleh Samad Ismail ketika kedua-duanya bekerja di Utusan Melayu di tahun 50-an.

## RANCANGAN KOMUNIS

Hussein Jahidin dan Azmi Mahmood dalam kenyataan berasingan telah mengakui bahawa penekanan dalam berita-berita dan renca-rencana dalam Berita Harian Singapura adalah mereka menyatakan bahawa semenjak tahun 1972 mereka terlibat dalam satu rancangan komunis yang diilhamkan dan diarahkan oleh Samad Ismail, Pengurus & Pengarah Kumpulan Akhbar New Straits Time di Malaysia.

Matlamat rancangan itu ialah dengan menggunakan perasaan tidak puas hati di kalangan Melayu dan untuk mempengaruhi mereka supaya berpaling kepada faham komunis sebagai cara mengatasi masalah mereka. Untuk mencapai matlamat ini mereka melaksanakan berbagai cara:-

1) Mempengaruhi orang Melayu supaya lebih bersedia menerima fahaman komunis.
2) Melemahkah orang Islam terhadap Islam.

3) Menyingkir pemimpin-pemimpin Melayu yang menjadi penghalang pada memperkembangkan fahaman komunis dan menyokong mereka yang boleh membuat orang Melayu progresif dan menerima idea-idea komunis. Menimbulkan perpecahan antara pemimpin-pemimpin Melayu dan pertubuhan-pertubuhan yang menentang komunis.

4) Menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kebencian orang-orang Melayu terhadap kerajaan.

5) Menggambarkan faham komunis demikian rupa hingga orang Melayu akan berpaling kepada faham komunis untuk menyelesaikan masalah mereka.

Saya berpendapat rancangan yang dimaksudkan tadi itu mungkin melibatkan usaha-usaha mengenepikan pemimpin-pemimpin Melayu seperti Tengku Abdul Rahman, Datuk Harun dan Tun Mustapha.

Pertubuhan-pertubuhan yang mungkin menjadi sasaran pihak komunis pada pendapat saya untuk diadukan-dombakan pemimpin-pemimpinnya ialah Pergerakan Pemuda UMNO, USNO di Sabah, parti PAS, Perkim dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Saya berpendapat cara yang berkesan untuk melawan komunis ialah untuk terus waspada terhadap bahayanya dan membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum. Bagi umat Islam pula gerakan dakwah mesti dihebatkan dan unsur-unsur yang boleh merosakkan moral rakyat seperti perjudian berleluasa dan kebudayaan kuning yang merugikan mesti dibendung.

## PENYELEWENGAN DI UDA (PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR)

Perjalanan agensi-agensi kerajaan seperti UDA, PERNAS dan MARA mestilah berjalan dengan baik dan bersih jika matlamat dasar ekonomi baru hendak berjaya. Pegawai-pegawai agensi tersebut mestilah jujur, cekap dan memahami hasrat kerajaan. Dalam hubungan ini saya pernah menimbulkan soal UDA.

### PENYELEWENGAN DI UDA:

Pertanyaan yang saya buat di Dewan Rakyat ialah meminta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau telah menerima satu salinan laporan bertarikh 1hb. April 1974 yang disediakan oleh Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri mengenai beberapa penyelewengan yang dibuat oleh beberapa orang Pegawai tinggi Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Jika laporan itu sudah diterima apakah tindakan-tindakan sewajarnya terhadap Pegawai-Pegawai yang terlibat terutamanya atas tuduhan-tuduhan berikut:-

a) pada 6/6/1972 Jeram Rubber Ltd. telah menjual 663 ekar tanah menerusi Encik Tan Geok Chaun dengan harga $6,017,787.50 dan pada 16/3/1973 UDA SEA Park membelinya dengan harga $18,576,000 atau tiga kali ganda daripada harga sebenarnya. Laporan siasatan oleh Bahagian Penyelerasaan dan Perlaksanaan menuduh adanya pakatan di antara golongan yang tertentu yang telah mendapat keuntungan daripada jualan tersebut dan

b) sekeping tanah 25.6 ekar berhampiran Tasik Industrial Estate Ipoh telah dinilai harganya oleh pegawai-pegawai penilaian UDA dengan harga 0.57 sen sekaki persegi pada 2/11/1973 tetapi seorang Pegawai Tinggi UDA dengan menaikkan harga 0.57 sen kepada $1.40 sekaki persegi tanpa menyebutkan bahawa pegawai-pegawai penilaian UDA telah pun menetapkan harga 0.57 sen. Adalah diumumkan oleh Bahagian Penyelerasaan dan Perlaksanaan bahawa dokumen membuktikan penyelewengan tersebut ada di dalam simpanan mereka.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamad Yaakob) Tuan Yang Dipertua saya telah menerima satu laporan yang tersebut dan penyiasatan sedang dijalankan.

Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak:

Soalan tambahan

Tuan Yang Dipertua: Apa hendak tambah lagi sedang disiasat kata Yang Berhormat Menteri tadi.

Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak: Bukan, ada berkenaan dengan siasatan.

Tuan Yang Dipertua: Soalnya sudah tepat, beliau kata sedang disiasat. Cubalah tengok kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang Dipertua, ada di dalam laporan yang tersebut mengatakan bahawa, saya izin membacakan ini ada di dalam bahasa Inggeris:

Saya telah membaca sedutan dari laporan.

Tuan Yang Dipertua, pending siasatan itu memgapa tindakan tidak diambil memandang kepada laporan ini bertarikh 1.4.1974 bermakna 3 tahun 6 bulan 24 hari sudah hingga hari ini.

Datuk Haji Mohamad Yaacob: Tuan Yang Dipertua, laporan yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sulit tetapi perkara ini telah pun diteliti oleh Allahyarham Perdana Menteri yang lepas dan Allahyarham tidak bersetuju menukar ataupun menggantikan tempat pegawai tinggi tersebut dengan orang lain.

Tuan Yang Dipertua: Laporan sulit tetapi - setakat ini sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Ini tidak bersangkut-paut dengan perkara sulit. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini siapa bertanggungjawab yang menjalankan siasatan ini.

Datuk Haji Mohamad Yaacob: Tuan Dipertua, Biro Siasatan Negara. (Demikian petikan dari penyata Parlimen).

## SEMASA DI PARLIMEN . . . .
## TIDAK DAPAT TANDUK . . . . .

Pada 1hb. April, 1976, saya telah berucap menyokong dan menyembahkan tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung.

Tuan Yang Dipertua: Keselamatan negara merupakan satu perkara yang penting di saat ini. Begitulah ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Ucapan Dirajanya. Baginda dengan terang menunjukkan ke arah pengganas komunis sebagai musuh negara yang patut disedari oleh rakyat. Saya percaya rakyat sedar akan adanya merbahaya ini. Tetapi yang kurang disedari oleh kita ialah tipu helah yang dibuat oleh kader-kader komunis tersebut yang telah berjaya memasuki ke dalam pertubuhan-pertubuhan halal. Ada yang telah berjaya menjadi orang-orang penting di dalam pentadbiran negara berpura-pura menyokong kerajaan tetapi menjalankan tipu helahnya untuk memecah-belahkan pemimpin-pemimpin negara. Inilah yang tidak kita sedari. Tuan Yang Dipertua, orang yang menyamar diri iaitu musang berbulu ayam.

Tuan Yang Dipertua, saya suka membawa kepada satu pepatah Melayu iaitu kuman di seberang laut nampak, tetapi gajah di depan mata tidak diketahui, memang pada kebiasaannya iaitu jika kita setiap hari bergaul dengan sesuatu masalah atau sesuatu golongan kita kurang nampak pendirian atau tujuannya yang sebenar. Tetapi orang lain yang memerhatikan dari luar jelas boleh mengetahui peranan-peranan yang dibuat oleh sesuatu golongan itu sama ada untuk kebaikan atau keburukan.

Satu daripada peranan yang dimainkan oleh kader-kader komunis itu ialah memutar-belitkan berita-berita atau perkhabaran-perkhabaran; yang tidak ada diadakan dan yang ada ditidakkan.

Baru-baru ini hampir menjadi ribut dan hampir menjadi satu tragedi disebabkan oleh berita kononnya dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak tahu dari masa bila pegawai-pegawai di Jabatan Perdana Menteri itu telah dilantik menjadi jurucakap kepada Pergerakan Pemuda UMNO. Syukur ke hadrat Ilahi iaitu dengan adanya ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang sedar kepada sandiwara ini maka dapat ditenteramkan keadaan. Pihak yang berkenaan hendaklah berwaspada dan sedar akan orang-orang yang bersandiwara itu. Saya suka membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan teguran-teguran dari pemimpin-pemimpin lama hendaklah diambil berat dan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Dirajanya menyeru agar kita mengorbankan kepentingan-kepentingan individu demi menjamin keselamatan negara. Saya mengingatkan pihak yang berkenaan bahawa pemimpin-pemimpin lama yang telah membuat teguran-teguran itu ke-

semuanya telah berkorban; membawa negara ini sehingga ke peringkat yang ada sekarang. Bukti pengorbanan mereka jelas dan terang di mata rakyat tetapi siapa dia orang-orang yang mengeluarkan berita-berita yang mengelirukan itu. Apakah motif mereka? Salah seorang daripada pemimpin-pemimpin lama ini ialah bekas Perdana Menteri kita iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra yang telah menyatakan kesanggupannya menamakan orang-orang ini demi perpaduan dan keselamatan negara. Pihak yang berkuasa hendaklah mengambil berat kepada teguran dari Yang Teramat Mulia Tunku itu. Beliau ialah seorang yang bertanggungjawab dan mengeluarkan sesuatu kenyataan itu bukanlah untuk publisiti. Demi keselamatan negara saya menyeru supaya pihak yang berkuasa mengambil tindakan segera mengeluarkan orang-orang dimaksudkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku itu supaya peranan mereka yang sebenarnya dapat diketahui.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan keselamatan ekonomi, berkenaan dengan keselamatan ekonomi rakyat supaya ini juga dapat menjadi perjuangan kerajaan. Kerajaan hendaklah meneliti supaya firma-firma terutamanya yang dimodali oleh bangsa asing menjalankan peranannya sejajar dengan hasrat kerajaan. Saya suka membawa kepada satu bank. Bank ini telah menjalankan tindasan kepada seorang Pegawai Kanan Bumiputera yang dengan tegas mempertahankan dasar Ekonomi Baru kita. Tindakan yang dibuat oleh bank tersebut telah membawa kepada pegawai kanan bumiputera ini disingkirkan dan dibuang kerja. Pegawai tersebut telah merayu kepada Bank Negara untuk campurtangan dengan bukti-bukti yang terang tetapi saya suka membawa soalan kepada Bank Negara apakah tindakan

yang telah diambil oleh Bank Negara supaya perbuatan tak adil itu dibela oleh kita. Dukacita saya menyatakan sehingga hari ini belum lagi ada satu langkah yang dibuat oleh Bank Negara.

Tuan Yang Dipertua, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah tanpa izin. Nampaknya Kerajaan telah mengambil tindakan tegas baru-baru ini, bukan sahaja di dalam bandar, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar; misalnya di kawasan saya iaitu Kuala Selangor, kerajaan memusnahkan dan memecahkan rumah-rumah tanpa izin. Apa yang mendukacitakan, Tuan Yang Dipertua, pihak yang berkenaan membutakan mata, memekakkan telinga kepada perbuatan mendirikan kilang-kilang tanpa izin oleh puak-puak pemodal yang kaya-kaya. Tetapi menindas dan memusnahkan serta menarik balik tanpa bertimbang rasa rumah-rumah tanpa izin dibina oleh orang-orang susah. Kalau pemusnahan ini benar-benar dilakukan kerana kerajaan hendak menggunakan tanah-tanah itu, saya sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu, percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain jua tidak akan membela nasib orang-orang yang miskin ini, tetapi kawasan tanah Kerajaan yang dimaksudkan itu tidak ada apa-apa satu rancangan yang hendak dibuat. Pada pendapat saya jika tindakan, pada segi undang-undang hendaklah diambil dahulu terhadap orang-orang kaya ini. Pada pendapat saya undang-undang tidak memilih sama ada kaya atau miskin.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, kena pada tempatnya, menasihatkan supaya rakyat yang sudah mendapat nikmat hendaklah sabar. Yang belum merasa nikmat ditentukan giliran mereka. Ini kalau diikut dan dipatuhi, Tuan Yang Dipertua, tentu akan menghapuskan sungutan-sungutan dari rakyat di mana didapati sekarang orang yang telah mempunyai

rumah-murah lagi diberi rumah, orang yang mempunyai tanah terus dapat diberi peluang memiliki tanah. Saya suka mengsyorkan di sini agar dapat Kerajaan atau pihak yang berkenaan menggunakan sistem komputer supaya sesiapa yang telah diberi tanah atau diberi rumah murah dapat dikomputeraiskan dan dengan adanya rekod menerusi komputer ini kelak senang kita mengetahui mereka yang telah dapat peluang dan diberi peluang pula kepada mereka yang belum diberi peluang atau menikmati kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat.

Saya suka juga menyentuh berkenaan dengan aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang dan juga penyeludupan dadah daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Kuala Selangor adalah satu kawasan di tepi pantai di mana senang hendak menyeludupkan barang-barang daripada laut. Apa yang saya dapati sekarang ialah pegawai-pegawai Kerajaan di dalam daerah saya kerapkali dijamu oleh peniaga-peniaga tempatan. Kerajaan hendaklah mengambil satu sikap tegas jangan dibenarkan pegawai-pegawai Kerajaan, sama ada dia pegawai daerah atau pegawai polis, daripada menerima pelawaan ataupun jemputan daripada peniaga-peniaga di jamuan-jamuan yang diaturkan oleh mereka, kecuali jamuan-jamuan yang diaturkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab. Di dalam jamuan-jamuan inilah penyeludup-penyeludup itu dapat rahsia-rahsia dan aktiviti-aktiviti penyeludupan-penyeludupan dan dengan mengetahui rahsia ini dapat mereka menjalankan perkara-perkara yang merugikan pihak Kerajaan.

Kerapkali kita mendengar Kerajaan menyeru supaya rakyat menubuhkan syarikat-syarikat Kerjasama atau Cooperative Society. Kerajaan juga selalu kita

dengar rancangannya untuk mengutamakan permohonan-pernohonan daripada perajurit-perajurit di dalam perniagaan mahupun di dalam memberi sesuatu kemudahan. Di negeri Selangor ada satu kawasan di tempat saya di Kuala Selangor namanya Bukit Ceraka. Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini telah meluluskan satu kawasan seluas lebih satu ribu ekar kepada 4-5 orang yang telah menubuhkan satu syarikat iaitu kaum pemodal untuk membuat rancangan menanam buah-buahan. Apa yang mendukacitakan kami iaitu penduduk-penduduk di Kuala Selangor ialah orang-orang yang miskin membuat permohonan bukan setahun dua tahun bahkan 10-15 tahun untuk mendapat tanah hanya untuk mendirikan rumah iaitu lebih kurang di antara 10,000 kaki persegi atau 15,000 kaki persegi. Sehingga sekarang tidak mendapat layanan tapi syarikat ini entah apa satu sebabnya dapat diluluskan 1,000 ekar hampir-hampir 1,500 ekar di Bukit Ceraka. Nasib baik perkara ini dapat diketahui oleh Wakil-Wakil Rakyat maka kami telah menyampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan sempat ditarik balik.

Pada masa ini kawasan yang sama telah dipohon oleh satu perkongsian daripada syarikat-syarikat koperatif dan juga syarikat-syarikat bekas perajurit dan permohonan ini telah disampaikan kepada Pegawai Daerah hampir 3 bulan, tidak ada apa-apa layanan. Sebagaimana saya katakan tadi pihak kaum pemodal dalam 2 bulan sahaja dapat memohon iaitu diproses dan dibawa kepada EXCO dan diluluskan, walhal pihak-pihak yang benar-benar daripada orang-orang yang tidak berada yang telah bersusah mengumpulkan $5/- $10/- satu bulan menerusi syarikat-syarikat kerjasama sehingga sekarang belum ada layanan. Saya berharap pihak yang berkenaan daripada B.S.N. siasat atas perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, setakat itu sahajalah saya dapat menyembahkan tahniah saya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan untuk menutupnya saya suka menyampaikan tahniah saya kepada Timbalan-timbalan Menteri dan Menteri-Menteri yang baru dilantik di dalam Kabinet baru.

## AKIBAT UCAPAN/JAWAPAN PERDANA MENTERI (TIDAK DAPAT TANDUK .....)

Saya menganggap ucapan ini sebagai satu-satunya ucapan di Parlimen yang berkesan kerana sesudah itu dua Timbalan Menteri ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tatkala menggulung perbahasan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn berkata "Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh berkenaan dengan aktiviti-aktiviti penyeludupan barang termasuk dadah. Beliau juga menyatakan di kawasan Kuala Selangor terdapat Pegawai Kerajaan kerapkali dijamu oleh peniaga-peniaga tempatan. Beliau mengsyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan terhadap amalan ini.

Bagi menjawabnya saya suka menyatakan bahawa di bawah perintah am pegawai-pegawai Kerajaan adalah dilarang menerima sebarang jemputan keraian daripada orang awam sekiranya keraian tersebut boleh mempengaruhi tugas-tugas mereka. Saya suka memberi pengakuan bahawa perkara ini akan disiasat dan sekiranya kejadian itu benar-benar berlaku pegawai yang berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib sewajarnya. Untuk memudahkan siasatan ini saya berharap ahli yang berhormat dapat memberi keterangan lanjut seperti nama-nama pegawai-pegawai yang terlibat serta tarikh dan tempat peristiwa ini berlaku.

Ahli Yang Berhormat ini telah menyentuh tentang adanya musuh negara iaitu agen atau kader komunis yang berjaya menjadi orang penting dalam pentadbiran negara. Tuan Yang Dipertua saya sukalah mengingatkan ahli yang berhormat supaya jangan cara melulu dan tanpa sebarang penyiasatan melemparkan tuduhan ke atas orang yang tidak ada peluang membela diri di Dewan ini.

Janganlah menggunakan keistimewaan ahli Dewan ini untuk menabur fitnah dan melepaskan dendam hati menyelar pegawai kerajaan yang menjalankan tugas tulus ikhlas itu, melaksanakan arahan pemimpin atau dasar yang telah ditetapkan. Saya berharap jagalah kehormatan dan kemuliaan Dewan ini dan lebih berhati-hati dan tidak menggunakan keistimewaan Dewan ini mengeluarkan kenyataan yang menyinggung perasaan orang. Tuduhan-tuduhan menjadi kader komunis atau menuduh tempat penting dalam Kerajaan dirasuki komunis amatlah berat. Tujuan membuat tuduhan ini, pada hemat saya kerana "Tidak dapat tanduk telinga dipulas".

Tuan Yang Dipertua Kerajaan sentiasa sedar akan bahaya anasir anti-nasional dan agen komunis yang mengancam keselamatan negara kita. Setakat ini Kerajaan belum lagi mempunyai bukti tentang adanya pegawai atau kakitangan Kerajaan yang telah digunakan oleh komunis sebagai agen mereka. Kerajaan sentiasa meneliti pegawai dan kakitangannya. Kerajaan menjalankan tapisan keselamatan atau security vetting atas tiap-tiap pegawai sebelum mereka memegang jawatan penting.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan soal-soal parti di dalam Dewan ini sambil mengsyorkan supaya saya dan Kerajaan me-

ngambil nasihat dan teguran dari pemimpin-pemimpin lama yang telah banyak berkorban. Saya tidak berhajat hendak komen mengenai hal itu di Dewan ini.

Ucapan-ucapan yang saya sampaikan di Parlimen, bukan hanya setakat mengkritik penyelewengan tetapi juga terhadap sikap parti pembangkang, terutama DAP. Salah satu dari ucapan saya dalam membahaskan usul DAP ialah berkait "usul meminta supaya disahkan pengisytiharan hak-hak politik dan civil tahun 1966" dibentang oleh Encik Lim Kit Siang. Di antara lain, saya menerangkan bahawa orang Melayu tidak akan rela bertolak-ansur berkenaan hak-hak keistimewaan mereka yang telah termaktub di dalam Perlembagaan. Jika "ratification of the International Covenant of Political and Civil Rights" yang dimaksudkan oleh DAP itu bermakna menghapuskan hak-hak keistimewaan Melayu maka saya khuatir wujudnya peristiwa yang tidak diingini seperti 13 Mei, 1969.

Reaksi DAP terhadap hujah-hujah yang saya kemukakan di dalam persidangan Parlimen, 27 Oktober, 1977 boleh disaksikan di dalam tulisan Lim Kit Siang dalam bukunya "Time Bombs in Malaysia." Encik Lim menumpukan serangannya kepada saya dari muka 177-183. Di antara lain beliau berkata, "Saya kesal bahawa usul meminta supaya disahkan Piagam Antarabangsa mengenai hak civil dan politik 1966 telah dipergunakan oleh ahli Barisan Nasional seperti Raja Nasron dan ahli dari Langkawi untuk menimbulkan soal perkauman.

Wakil dari Kuala Selangor berdosa dalam soal ini. Beliau juga menyebut mengenai peristiwa 13 Mei dan kemungkinan berulangnya peristiwa itu jika apa yang dituntut oleh DAP mengenai pengesahan Hak-hak itu berjaya.

Ancaman 13 Mei untuk menutup perbahasan telah digunakan sekian lama dalam Dewan Rakyat. Setiap kali pihak pembangkang mengemukakan isu-isu rakyat, dan pihak Barisan Nasional tidak mampu mematahkan hujah-hujah DAP dengan hujah yang lebih bernas ancaman berulangnya peristiwa 13 Mei digunakan.

Ini berlaku pada hari Selasa, ketika Peguam Negara telah ditanya mengenai kuasanya dan juga dalam kes Datuk Harun, beliau telah memberi amaran tentang 13 Mei. Semalam sewaktu perbahasan mengenai usul Hak-hak civil dan politik, wakil dari Kuala Selangor telah menyebutkan peristiwa 13 Mei.

"Saya ingin bertanya; siapa yang hendak memulakan peristiwa 13 Mei sekali lagi? Adakah Peguam Negara atau wakil Kuala Selangor?"

Mengapa DAP begitu tersinggung apabila diperingatkan peristiwa 13 Mei. Saya berpendapat bahawa DAP berkehendakkan supaya peristiwa tersebut dilupakan oleh orang Melayu. Orang Melayu pada anggapannya adalah satu kaum yang mudah lupa kepada peristiwa lampau. Mudah lupa jika diberi secawan kopi atau teh. Bukankah orang Melayu telah lupa kepada kejadian-kejadian sedih di masa Jepun menyerah diri dahulu, iaitu pada tahun 1945 di mana ramai orang Melayu menjadi mangsa Komunis Bintang Tiga? Dari itu tentu tidak hairan jika DAP marah apabila wakil-wakil rakyat Barisan Nasional memperingatkan 13 Mei 1969. Saya berpendapat bahawa biarlah semua rakyat Malaysia (Melayu, Cina dan India) sentiasa diingatkan peristiwa-peristiwa buruk itu agar kita sama-sama dapat berwaspada; beringat untuk mengelakkan dari kepentingan seseorang atau Parti mengulangi tragedi yang telah berlaku.

## KUALA SELANGOR –
## KUBU DATUK HARUN

Selaku Wakil Rakyat Kuala Selangor saya telah membawa kepada pengetahuan Kerajaan masalah rakyat terutama yang bersangkut dengan penanam-penanam padi. Hampir tiap-tiap hari Selasa saya pergi ke Kuala Selangor untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh rakyat dan cuba setakat termampu untuk menyelesaikannya. Saya pernah mengadakan rundingan dengan pihak majikan lombong dan ladang supaya diadakan rancangan perumahan di ladang Thanamaran Kuala Selangor.

Berserta dengan petani dan nelayan Kuala Selangor usaha telah dibuat untuk menubuhkan syarikat kerjasama yang dikenali sekarang sebagai Koperasi Kris. Koperasi ini dianggotai oleh kira-kira 600 ahli dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti meminjamkan wang dan menjadi saluran oleh Kerajaan memberi bantuan. Saya juga turut membantu Koperasi Kota yang keahliannya terbuka kepada semua kaum. Selepas menjadi Ketua Bahagian Damansara selama 10 tahun, saya terpilih menjadi Ketua Bahagian Kuala

Selangor mulai tahun 1974 hinggalah sekarang ini. Pada tahun 1976 masalah komunis di dalam UMNO dan Kerajaan serta isu Datuk Harun menjadi perbualan hangat. Isu Datuk Harun bukan sahaja telah meninggalkan kesan kepada politik negara amnya dan Selangor khasnya. Pemilihan beliau oleh perwakilan UMNO di Perhimpunan Agung bulan September tahun ini (1978) sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja masih mempunyai pengaruh bahkan ahli-ahli UMNO seolah-olah sedia memberi pengampunan kepada beliau. Bagi saya ini menunjukkan mereka menghargai perjuangan Datuk Harun dalam penentangannya terhadap komunis yang tidak mengenal kompromi.

Bahagian UMNO Kuala Selangor merupakan satu-satunya kubu Datuk Harun. Oleh itu saya selaku Ketua Bahagian telah dicap sebagai "orang Datuk Harun". Pada tahun 1976 satu usul undi tidak percaya terhadap pimpinan saya telah dibuat dalam Mesyuarat Agung UMNO Kuala Selangor tetapi telah ditolak oleh para perwakilan. Usul undi tidak percaya itu hanya mendapat 3 undi daripada 130 orang wakil yang hadir. Saya mempunyai keyakinan bahawa ada anasir-anasir luar dari Kuala Selangor yang cuba mempengaruhi keadaan UMNO Kuala Selangor.

Satu lagi cubaan telah dibuat untuk menggulingkan saya sebagai Ketua Bahagian pada 7/5/1978. Sebenarnya perkara guling - mengguling adalah perkara biasa dalam politik tetapi apa yang saya kesalkan ialah tektik-teknik atau cara-cara yang sanggup dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak senang saya kekal sebagai Ketua Bahagian. Saya percaya ada beberapa pegawai Kerajaan dari Kementerian-Kementerian yang telah memainkan peranan memburukkan saya dengan tujuan

untuk mempengaruhi pengundian Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor. Walau bagaimanapun saya tetap berjaya mengekalkan jawatan dengan memperolehi 126 undi daripada 161 undi. Pencabar saya Encik Masood Bajuri seorang penghulu mendapat 35 undi.

Kejayaan saya ini seharusnya mencerahkan untuk saya dicalonkan semula sebagai calon Barisan Nasional di Kuala Selangor. Apatah lagi daripada 33 cawangan UMNO dalam Bahagian, 26 menyokong saya bertanding semula sebagai Wakil Rakyat, manakala 5 cawangan berkecuali dan 2 buah cawangan mencalonkan seorang Guru Agama, Ustaz Dalail. Beliau kemudiannya menarik diri. Memandangkan perkembangan-perkembangan ini rakyat di Kuala Selangor banyak yang memikirkan bahawa saya akan dicalonkan bagi kali yang kedua.

Walaupun Dewan Rakyat dan Dewan Negeri kecuali di Sarawak, Sabah dan Kelantan telah dibubarkan pada bulan Jun, 1978 dan tarikh pilihanraya ditetapkan pada 8hb. Julai, 1978, demam pilihanraya telah mulai lebih awal pada itu. Berbagai ramalan dibuat tentang siapakah yang akan menjadi calon wakil rakyat, mana yang gugur dan isu-isu yang akan digunakan oleh parti politik dan calon-calon yang akan bertanding itu.

## PETIKAN DARI AKHBAR WATAN

Kuala Lumpur, 6 April, 1978 - Pilihanraya umum datang terutama di Negeri Selangor akan menjadi lebih hebat apabila seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional bagi Kawasan Kuala Selangor, Datuk Raja Nasron Ishak membayangkan hari ini bahawa kesan dari soal Ustaz Datuk Harun akan meramaikan lagi jum-

lah calon Bebas di peringkat Parlimen mahupun negeri.

Bahkan beliau berpendapat bahawa salah satu faktor yang mendorong Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Haji Sulaiman Palestin berhasrat bertanding merebut jawatan Presiden UMNO juga berpunca dari soal Ustaz Datuk Harun itu.

Menurutnya sekiranya pucuk pimpinan UMNO tidak memenuhi kehendak ahli-ahli UMNO di peringkat cawangan dan bahagian, keadaan itu akan lebih meramaikan lagi calon Bebas khasnya di Selangor.

"Jika ini berlaku ia akan membahayakan dalam pilihanraya umum kelak," tegasnya.

Datuk Raja Nasron juga berpendapat bahawa soal Ustaz Datuk Harun adalah besar yang kelak akan dipergunakan oleh penyokong-penyokong atau penentang Barisan Nasional.

Beliau juga mengakui bahawa kesan dari soal Ustaz Datuk Harun itu telah membawa kepada longgarnya perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO. Katanya sekarang ini ahli-ahli UMNO berada dalam berpuak-puak hasil dari soal Ustaz Datuk Harun tersebut.

Katanya ada puak yang simpati, ada yang berkecuali dan ada yang menentangnya. "Inilah juga yang akan meramaikan calon Bebas khasnya di Selangor", ujarnya lagi.

Datuk Raja Nasron juga menyokong hasrat Haji Sulaiman Palestin untuk bertanding merebut jawatan Presiden UMNO. Bahkan ujarnya, beliau percaya lang-

kah Haji Sulaiman Palestin itu timbul dari krisis Ustaz Datuk Harun itu sendiri.

Menurutnya, Haji Sulaiman telah menyatakan sikapnya bahawa kita harus mempunyai semangat dan jiwa ampun mengampuni sesama kita umat Islam. Oleh kerana sikap pucuk pimpinan tidak mengikuti semangat tersebut dalam kesan Ustaz Datuk Harun itulah yang membuat beliau bertindak demikian, jelas Datuk Raja Nasron. Bahkan katanya banyaknya lagi cawangan di negara ini yang telah mengemukakan berapa lama calon untuk bertanding bagi merebut jawatan presiden.

Ini membayangkan penonjolan sikap kurang senang terhadap pucuk pimpinan UMNO sekarang, tegasnya lagi. Beliau membayangkan juga akan muncul kelak beberapa buah bahagian UMNO yang akan mencalonkan Haji Sulaiman Palestin sebagai Presiden UMNO terutama dalam negeri Selangor.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas kemungkinan bahagiannya di Kuala Selangor mengemukakan usul pencalonan seumpama itu. UMNO bahagian Kuala Selangor belum lagi mengadakan mesyuarat agungnya dan ia akan diadakan tidak berapa lama lagi. Menyentuh tentang sama ada beliau akan bertanding dalam pilihanraya akan datang Datuk Raja Nasron menjelaskan bahawa terlalu awal baginya menentukan sikapnya sekarang.

Bagaimanapun terpulanglah kepada Majlis Tertinggi untuk membuat penentuannya. Beliau juga menjelaskan, saya hanya menjalankan mandat yang diberi oleh pengundi-pengundi.

Tan Sri Sheikh Abdullah dalam Renungan telah mengulas kenyataan saya seperti yang disiarkan ini.

"Ramai calon Bebas tanding di Selangor?" begitulah bunyi kepala berita yang sebegitu besar sehingga hampir-hampir memenuhi kesemua bahagian atas muka hadapan sebuah akhbar harian tempatan bertarikh April 7, 1978.

Berita di bawahnya pula berkata, Pilihanraya Umum akan datang terutama di Negeri Selangor akan menjadi lebih hebat apabila seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional bagi kawasan Kuala Selangor, Datuk Raja Nasron Ishak membayangkan hari ini bahawa kesan dari soal Ustaz Datuk Harun akan meramalkan lagi jumlah calon Bebas di peringkat Parlimen mahu pun negeri.

Bahkan beliau berpendapat bahawa salah satu faktor yang mendorong Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Haji Sulaiman Palestin berhasrat bertanding merebut jawatan Presiden UMNO juga berpunca dari soal Ustaz Datuk Harun itu.

Menurutnya, sekiranya pucuk pimpinan UMNO tidak memenuhi kehendak ahli-ahli UMNO di peringkat cawangan dan bahagian, keadaan itu akan lebih meramaikan lagi calon Bebas khasnya di Selangor.

"Jika ini berlaku ia akan membahayakan calon-calon Barisan Nasional itu sendiri dalam pilihanraya umum kelak," tegasnya.

Datuk Raja Nasron juga berpendapat bahawa soal Ustaz Datuk Harun adalah besar yang kelak akan dipergunakan oleh penyokong-penyokong atau penentang Barisan Nasional . . . . . .

Komen Penulis

Pertama, satu dari keindahan pemerintahan di bawah sistem demokrasi ialah sesiapa sahaja warganegara (kecuali mereka yang tidak memenuhi syarat seperti termaktub di dalam Perlembagaan) adalah berhak bertanding sama ada sebagai calon Bebas atau calon berparti di dalam satu-satu pilihanraya, sama ada umum ataupun kecil, sama ada di peringkat Parlimen ataupun negeri.

Kedua - tentang "soal Ustaz Datuk Harun akan dipergunakan oleh penyokong-penyokong atau penentang Barisan Nasional" seperti yang diramalkan oleh Datuk Raja Nasron, M.P., itu penulis kurang faham bagaimanakah caranya soal itu boleh membawa "dividend" atau keuntungan kepada pihak-pihak yang berharap mengeksploitasinya sebagai modal pilihanraya? Adakah mereka itu umpamanya, akan berkata, "Tengoklah pucuk pimpinan UMNO di hari ini, mereka membiarkan tokoh parti yang bersalah menjalani hukuman Mahkamah seperti rakyat biasa." Kenyataan seperti ini pada hemat penulis, serta jua, agaknya, dari kacamata rakyat berjiwa sihat (sama ada di Kuala Lumpur, Tampin atau Batu Pahat) tentu sekali tidak akan mencemarkan imej dan integriti pucuk pimpinan parti. Sebaliknya ia tentu sekali akan meninggikan lagi penghargaan dan penghormatan orang ramai, yang benar-benar memahami perjalanan demokrasi, terhadap kerajaan, kerana ketegasan dan keberaniannya menegakkan keadilan tanpa memandang bulu.

(Dengan kebetulan persamaan di hadapan keadilan adalah satu dari prinsip utama demokrasi - jauh lebih penting dari kebebasan bertanding untuk merebut kerusi, sama ada di Dewan Rakyat atau di dalam Parti).

Ketiga, bilangan calon-calon Bebas "akan membahayakan calon-calon Barisan Nasional", kata Datuk Raja Nasron, M.P. pada hemat penulis hujah ini tidak mengandungi logik. (Maaf, Y.B. Datuk Raja M.P.) kerana "the final judge," yakni pengadil-pengadil muktamad, dalam hal ini adalah para pengundi bijak bistari. Dan para pengundi yang berfikiran lurus, waras dan matang serta yang berkebolehan memandang jauh ke hadapan (lainlah halnya dengan orang-orang dari "golongan tertentu" yang dengan "sebab" "Tertentu" tidak boleh diubati lagi, atau "Chronic" bak kata doktor dan dengan itu hanya dapat melihat apa yang berada di bawah hidung mereka sahaja) tentu sekali berkualifikasi dan boleh dipercayai untuk membuat nilaian yang sewajar sebelum mengambil keputusan mana satu calon, di antara pangkah tanpa upacara - demi kebaikan diri sendiri kebahagiaan masyarakat dan maruah negara.

Dengan kebetulan pula, dua tiga hari yang lalu, Y.A.B., Datuk Hussein Onn telah dilaporkan sebagai berkata: "Kejayaan sesebuah negara pada akhirnya bergantung kepada perwatakan rakyat, dedikasi pemimpin dan kesetiaan serta kecekapan kakitangan kerajaan." Ya, "perwatakan rakyat" - dengan itu jikalau rakyat, atau lebih tepat lagi, ahli-ahli UMNO sendiri, sebagai hipotesa semata-mata mahu dengan mata terbuka melakukan "political suicide," yakni "hara-kiri politik" dengan memilih calon yang bukan-bukan (yakni, calon kacau daun)" sambil mengenepikan calon-calon yang berkebolehan dan berkelayakan, belum ada lagi undang-undang di hari ini yang boleh melarang atau menahan mereka itu dari berbuat sedemikian!

Ringkasnya, masalah berkaitan dengan hal ehwal pilih-memilih calon bukanlah bergantung kepada

ramainya bilangan calon "Bebas" atau "tiga suku belas," ataupun kepada nyaring dan lantangnya suara calon-calon dari golongan "desperasi dan frustrasi," tetapi adalah kepada "common sense," yakni "fikiran biasa" di kepala para pengundi sendiri - "fikiran" yang dimaksudkan itu biasanya, mengikut kajian dan pendapat pakar-pakar di bidang jiwa, terdapat di kepala seseorang dewasa biasa yang berada di luar "Taman Bahagia" alias "Hospital Gila!"

Akhbar Watan pada 16hb. Mei, 1977 Kuala Selangor 15hb. Mei - Ahli Parlimen dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor, Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak mengingatkan rakyat bahawa sesuatu kerajaan yang memerintah itu, tidak akan kukuh stabil sekiranya tidak ada sokongan daripada rakyat.

Kerajaan itu akan lumpuh, dan pada inilah ketika pihak subversif menanti saatnya, untuk memainkan peranan penting dan menimbulkan segala keburukan yang tidak diingini.

Beliau berucap demikian, ketika Mesyuarat Agung UMNO bahagian Kuala Selangor yang berlangsung di Dewan Melawati kelmarin.

Sebaliknya pula, keadilannya sesuatu negara itu juga terpulang di atas kebijaksanaan serta keadilan pemimpin-pemimpin yang memimpin teraju negara itu. Apabila ini semua dapat diimbangkan dengan baik, sudah tentu negara itu akan maju buat selama-lamanya.

Demi untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan tegasnya lagi, kita haruslah melupakan dan memaafkan sesuatu kesalahan yang dilakukan, dan tidak harus berdendam dan sentiasa pula mencari kesalahan orang itu.

Beliau juga telah menyentuh tentang anggapan apabila seseorang itu menyuarakan dan menjawab dengan, suara yang lantang, menjadi "perosak dan oportunis" dalam parti dan sebagainya.

Ini adalah salah. Apabila kita mempunyai orang-orang seperti ini, sudah tentu akan mendatangkan faedah, keadilan kepada parti, rakyat dan negara kita.

Datuk Raja Nasron juga telah memuji kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn membentuk koperasi bersatupadu 11 Mei yang lalu. Ini katanya telah membuka satu jalan baik dan menyedarkan ahli-ahli UMNO menjayakan UMNO dengan lebih berkesan.

Tiba hari penamaan calon, ramalan yang saya buat terbukti betul. Seramai 5 orang ahli UMNO telah bertanding sebagai calon bebas. Ini termasuk di kawasan Kuala Selangor sendiri di mana Ketua Pemudanya bertanding sebagai calon Bebas. Banyak yang menyangka saya akan bertanding apatah lagi memandang kedudukan saya sebagai Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor. Perihal saya tidak dipilih oleh Barisan Nasional bertanding semula menyedihkan juga tetapi ini adalah keputusan pucuk pimpinan parti. Dan disiplin parti mestilah dipatuhi walau sepahit mana. Parti seperti UMNO perlukan ahli-ahli yang teguh dan taat setia untuk ia kekal terus mewujudkan perpaduan dan keamanan.

Banyak juga penyokong-penyokong saya mendesak supaya saya bertanding sebagai calon bebas dan sanggup memberi sokongan seberapa yang mampu. Saya menolak. Saya berpendapat jawatan Ketua Bahagian UMNO itu tidak kurang penting daripada Wakil Rakyat, apatah lagi jika konsep parti itu adalah Kerajaan

ini dapat dilaksanakan dengan lebih bermakna.

Datuk Hormat Rafie selaku Ketua UMNO Perhubungan Negeri Selangor pernah menyatakan kepada saya bahawa pucuk pimpinan parti menganggap sikap saya sebagai ahli Parlimen pembangkang kerana pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh saya. Bagaimanapun saya tidak dapat menerima ini kerana saya berpendapat membongkar satu-satu perkara yang dianggap tidak kena bukan sikap menentang Kerajaan; sebaliknya adalah membantu Kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih.

Keputusan pucuk pimpinan UMNO menolak pencalonan saya menyebabkan rasa tidak puas hati dan sungguh memeranjatkan kalangan pemerhati politik. Usaha-usaha telah dijalankan untuk menimbang semula keputusan pucuk pimpinan parti. Wakil-wakil dari beberapa cawangan dalam Bahagian Kuala Selangor telah menemui Datuk Hormat tetapi pucuk pimpinan UMNO tetap dengan pendiriannya dan tidak sanggup melayan permintaan pihak UMNO tempatan.

UMNO Kuala Selangor juga melalui satu pengalaman baru ketika pilihanraya 1978. Satu kejadian yang dianggap oleh UMNO Kuala Selangor sebagai bercanggah dengan arahan UMNO Malaysia dan UMNO Perhubungan Negeri Selangor dan jua amalan biasa pentadbiran UMNO. Perselisihan faham dalam perkara membelakangkan UMNO bahagian Kuala Selangor akhirnya telah disampaikan ke pengetahuan pucuk pimpinan menerusi surat terbuka. Sungguh pun satu penyelesaian telah dibuat dan dua jentera pilihanraya diadakan ke Kuala Selangor pertanyaan yang dikemukakan dalam surat terbuka tidak terjawab.

Dalam menentukan calon Barisan Nasional, pucuk pimpinan UMNO-lah yang membuat keputusan muktamad. Lazimnya nama bakal-bakal calon dikemukakan oleh cawagan-cawangan diambil sebagai calon tetapi dalam pada itu hak penentuan tetap berada di pucuk pimpinan. Pucuk pimpinan menolak nama saya walaupun perkara seperti itu bukanlah pertama kali dilakukan oleh pucuk pimpinan UMNO terhadap nama yang disyorkan oleh pihak Bahagian. Di sebaliknya pula pucuk pimpinan UMNO telah mengemukakan bekas Pegawai tinggi Kementerian Tanah, Encik Abu Hassan Omar sebagai calon Barisan Nasional bagi kawasan Kuala Selangor. Beliau telah memenangi pilihanraya pada 7/8/1978 dengan menewaskan Encik Supian Sirman bekas Ketua Pemuda UMNO Kuala Selangor dan seorang calon PAS. Saya rasa pencalonan Encik Abu Hassan adalah layak dan kena juga pada tempatnya. Yang saya kesal hanya wakil calon Encik Abu Hassan, Encik Hashim Mahmood seorang yang pernah menentang calon Barisan Nasional 1974. Saya kurang pasti sama ada Encik Hashim telah diterima masuk dalam pangkuan UMNO.

Bagaimanapun rakyat Kuala Selangor tidaklah perlu merasa hampa kerana Encik Abu Hassan mempunyai banyak pengalaman sebagai pegawai pentadbiran dan telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan. Dengan ini pembangunan kawasan Kuala Selangor seharusnya dapat diteruskan dengan lancar.

Semua bekas ahli-ahli UMNO yang bertanding sebagai calon bebas di negeri Selangor telah kalah. Ini ialah kerana rakyat tahu UMNO-lah satu-satunya pertubuhan yang boleh menyelamatkan orang-orang Melayu dan Bumiputera. "Individu tidak penting, yang

penting ialah perjuangan UMNO." Ini adalah pegangan saya.

Selaku Ketua Bahagian UMNO Damansara sejak 1964 dan selepas itu menjadi Ketua Bahagian UMNO Kuala Selangor hingga ke masa ini, saya menjadi seorang ahli jawatankuasa UMNO Perhubungan Negeri Selangor. Datuk Harun ketika itu menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Selangor.

Dengan demikian saya mengetahui tentang tabung kewangan khas UMNO dan punca-punca kewangan serta usaha-usaha yang dibuat untuk memperkuat kedudukan kewangan UMNO; supaya UMNO dapat bebas dari pengaruh parti-parti lain atau orang perseorangan.

Saya berpendapat dalam kes Hong Kong dan Shanghai Bank tidaklah patut Datuk Harun sendiri dikenakan tindakan. Pihak yang memberi rasuah pun seharusnya tidak dilepaskan begitu sahaja. Oleh kerana Datuk Harun telah didapati salah dari segi undang-undang kerana menerima wang untuk UMNO Selangor maka kesemua ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Perhubungan Negeri Selangor adalah turut salah dan wajar mereka pun dihukum, termasuk saya sendiri, Datuk Hormat, Datuk Ahmad Razali dan lain-lain.

Begitu juga dalam kes Bank Rakyat di mana saya berpendapat Datuk Harun selaku Ketua Pergerakan Pemuda hanya menjalankan kehendak pergerakan itu yang ingin menaja perlawanan Muhammad Ali dan Joe Burgner. Usaha itu dilakukan oleh Pergerakan Pemuda untuk mendapat wang dan meninggikan imej negara. Apatah lagi pucuk pimpinan UMNO dan teraju Kerajaan ketika itu sedar tentang pentingnya di-

adakan juga perlawanan tinju tersebut demi nama baik Malaysia. Umum mengetahui sekarang bahawa apa-apa pun yang berlaku dalam usaha itu, Datuk Harun tidak ada mengambil kesempatan mengaut keuntungan itu. Hakim Eusof Abdoo Cader yang telah menjatuhkan kehukuman dalam "kes Bank Rakyat" telah berkata "tidak ada niat untuk memperkayakan diri saya." (Datuk Harun).

Saya berpendapat bahawa dari perlawanan tinju itu hanya imej beliau akan bertambah baik dan negara mendapat "prestige" kerana Muhammad Ali mengadakan perlawanan itu di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun saya tetap menerima keputusan Mahkamah yang telah dijatuhkan ke atas Datuk Harun dan berharap proses pengampunan bagi Datuk Harun dapat berjalan sekarang. Kepentingan UMNO, orang Melayu dan kepentingan negara akan lebih "better serve" jika beliau diberi pengampunan tanpa syarat dari Datuk Harun berada dalam penjara. UMNO Negeri Selangor dan negara amnya telah banyak mendapat faedah dan kemajuan berkat kepimpinannya dan saya rasa lebih banyak faedah dapat diperolehi dengan beliau berkhidmat kepada parti UMNO dan Negara dari menjalani hukuman penjara.

Sekarang Datuk Harun sedang menjalani hukuman, selepas rayuannya meminta ampun telah ditolak oleh kuasa yang paling tinggi - Jemaah Pengampunan. Saya bersetuju benar dengan pendapat bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman bahawa proses memberi ampun kepada Datuk Harun patut dilakukan. Ini memandang kepada sumbangan Datuk Harun kepada UMNO yang menjadi teras kerajaan. Khidmat baktinya kepada negara dan juga penentangannya yang ti-

dak mengenal kompromi dengan puak-puak, yang terbukti sekarang pro-komunis, patut diambil kira. Apatah lagi Baginda Sultan Selangor sendiri telah berkenan supaya beliau membawa gelaran Datuk ke dalam penjara Pudu. Terpilihnya beliau sebagai ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dengan mendapat tempat nombor 10 mengandungi erti yang rasa saya dapat difahami oleh "pihak berkuasa tertentu." Apatah lagi memandang bahawa banyak tokoh-tokoh UMNO yang lain seperti Encik Khir Johari, Datuk Nik Hassan dan Datuk Mansor Osman; Haji Sulaiman Palestin sendiri, tidak berjaya mendapat tempat dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

## PERISTIWA LANGGAK DUTA

Kerana begitu sayangnya Pemuda UMNO Selangor terhadap bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia, pergerakan Pemuda UMNO Selangor telah menawan dan mengurung Datuk Harun dalam rumahnya di Langgak Duta ketika Datuk Harun seharusnya mula menjalani hukuman. Mereka mahu supaya Datuk diberi keampunan. Saya telah berkejar ke rumah Datuk Harun bila mendapat tahu bahawa beratus Pemuda UMNO Selangor telah berhimpun di rumah Datuk Harun. Saya khuatir dengan begitu banyaknya Pemuda-Pemuda yang "lekas panas darah" berkumpul, satu-satu kejadian yang tidak diingini mungkin berlaku. Saya fikir kehadiran saya perlu mengawal perasaan perhimpunan yang berlaku di rumah bekas Menteri Besar itu.

Saya sempat juga memberi ucapan kepada Pemuda-Pemuda dan orang dewasa yang hadir di situ. Saya telah memberi nasihat kepada mereka bahawa apapun perasaan yang mereka rasai, undang-undang adalah tetap undang-undang dan tindakan dan perbuatan mereka janganlah terkeluar dari batas undang-undang.

Saya syukur bahawa dalam beberapa hari Datuk Harun dikawal oleh pemuda-pemuda di rumahnya tidak ada kejadian buruk berlaku walaupun keadaan di Kuala Lumpur sendiri tegang takut-takut berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Selain dari saya, bekas Setiausaha Agung UMNO Datuk Senu dan bekas Ketua Penerangan UMNO Hj. Sulaiman Palestin turut sama memberi ucapan kepada perhimpunan di rumah Datuk Harun. Tema ucapan mereka ialah menasihati yang hadir supaya bertindak bijak, bersabar dan jangan sekali-kali melanggar undang-undang. Mereka juga mesti jangan "provoke" pihak Polis untuk menghindarkan kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Antara tokoh-tokoh Pergerakan Pemuda UMNO yang turut berada semasa Datuk Harun dikurung ialah Encik Onn Ismail, Encik Kadir Sheikh Fadzil, Encik Abdullah Ismail, Encik Azhar Alias, Encik Mazlan Harun dan Encik Fahmi.

## DILEMA WAKIL RAKYAT

Selepas menjadi wakil rakyat hampir 4 tahun saya fikir wakil rakyat terutama yang datang dari parti Kerajaan mestilah sanggup menjadi mata, mulut serta telinga rakyat. Ia harus berani membongkar penyelewengan dalam pentadbiran Kerajaan dan agensi Kerajaan. Jika terdapat sungutan rakyat mengenai satu-satu projek demi untuk mencapai hasrat Kerajaan bagi memberi rakyat Malaysia satu pentadbiran yang bersih, wakil rakyat mestilah sanggup berusara.

Dalam masa menjadi wakil rakyat dapat juga saya memerhatikan telatah-telatah Wakil Rakyat. Ada yang mengikut telunjuk dan menurut apa sahaja yang diarahkan. Ini politik burung tekukur namanya. Setengahnya pula lebih mementingkan tempat untuk terus kekal pada tanggungjawab mewakili rakyat dan hanya sanggup memberi ucapan tahniah dan terima kasih. Ini politik opportunisme. Separuhnya pula memperjuangkan prinsip tetapi mengundur diri apabila suara majoriti bertentangan dengan prinsipnya. Ini adalah politik hendak selamat atau politik "play safe".

Ada juga wakil rakyat yang memperjuangkan prinsip walau apapun terjadi. Saya rasa langkah yang wajar yang harus diambil oleh wakil rakyat ialah untuk memperseimbangkan apa yang dihasratkan oleh pengundi-pengundi dan kepentingan parti. Memang perkara perjuangan dan pegangan kepada prinsip satu perkara yang sulit. Ini memerlukan beberapa syarat. Wakil rakyat semacam itu perlu bebas dari berbagai segi. Satu kebebasan merangkumi aspek kebendaan dan kerohanian. Kadang kala ada didapati Wakil-Wakil Rakyat di dalam dilema, tidak tahu apa sewajarnya diutamakan; kehendak rakyat atau kehendak Parti.

Walaupun saya sudah ditakdirkan tiada dapat membongkar penyelewengan tetapi adalah menjadi harapan saya isu Freemason dapat diselesaikan. Adalah menggembirakan bahawa Perdana Menteri sendiri, Datuk Hussein Onn telah menyeru orang-orang Islam yang terlibat dengan gerakan itu supaya bertaubat. Rakyat bagaimanapun masih mencurigai pertubuhan rahsia itu. Tegasnya jika menjelang pilihanraya akan datang, Freemason tidak diharamkan terus rakyat akan memandang berat kerana ini menunjukkan bahawa pihak Zionis telah begitu bertapak di Malaysia.

## KISAH MISC LEBIH HEBAT DARI BANK RAKYAT

Perkara MISC pun sudah mula dipersoalkan oleh rakyat. Pendirian saya sudah jelas dalam soal ini. Terjemahan sebahagian dari berita akhbar STAR bertarikh 18hb. Mei 1978.

Syarikat Perkapalan Antarabangsa diangarkan akan kerugian $220 juta di dalam tempoh 3 tahun kerana 5 tangki gas cecair tidak ada kerja hingga tahun 1982. Syarikat Perkapalan tersebut akan mula dapat menerima tangki itu pada hujung tahun 1979, yang berharga tiap-tiap sebuah $150 juta.

Pesanan untuk membeli tangki-tangki gas itu telah dibuat dengan dua syarikat perkapalan Perancis untuk membawa gas dari Bintulu di mana Kerajaan sedang merancangkan satu kilang gas, tetapi kerana beberapa sebab maka rancangan tersebut tidak dapat dimulakan menurut jadual masa yang ditentukan. Mengikut ramalan, projek tersebut akan mula mengeluarkan gas hanya pada awal 1983.

Menurut laporan akhbar Journal Asian Wall Street, Pengarah Urusan MISC Encik Leslie Yu ada mengatakan bahawa satu "task force" telah ditubuhkan untuk mencari jalan mengatasi problem yang sedang dihadapi. Journal itu melaporkan satu komen daripada Encik Yu seperti berikut, "task force itu adalah daripada pegawai-pegawai kanan MISC, tugasnya untuk menghubungi semua pasaran perkapalan di seluruh dunia dan melaporkan polisi-polisi Kerajaan dan melawat negara-negara seberang laut menghubungi secara langsung. Usaha mengatasi problem itu diberi keutamaan dari semenjak tahun 1976."

Setakat hari ini MISC dapat merayu syarikat membekalkan kapal-kapal itu melambatkan kerja mereka supaya kapal yang pertama boleh dihantar penghujung tahun 1979 dan tidak pada pertengahan tahun 1979 menurut perjanjian asal.

Tiga daripada tangki gas itu dibuat oleh Syarikat France Dunque dan dua oleh Construction Naavales Industrielles Mideteraane atau CNIM. Soal kewangan juga telah dibincangkan sekali lagi untuk membolehkan bayaran dibuat dengan syarat-syarat yang longgar, walaupun harganya bertambah. Usaha-usaha yang lain adalah dilaporkan menghadapi kegagalan.

Tanggungjawab yang penting untuk dibuat dengan serta-merta ialah mencari kerja-kerja yang boleh menggunakan tangki-tangki tersebut. Usaha ini bolehlah dikatakan mustahil kerana tangki LNG adalah specialised. Encik Yu berkata bahawa kapal-kapal itu tidak boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang yang lain, selain daripada gas. Ramai pakar-pakar perniagaan menuduh bahawa keputusan membeli 5 tangki gas itu adalah kerana desakan politik. Keputusan membelinya menimbulkan perkara-perkara berikut:-

* Kerana pesanan itu dibuat pada tahun 1975, MISC membeli dengan harga 50% - 60% lebih daripada biasa kerana di tahun itulah harga alat-alat tersebut memuncak.
* Syarat-syarat kontrek termasuk harga tenaga buruh meningkat dan ini akan membawa harga tangki-tangki itu naik sungguhpun harga bahannya turun di pasaran.
* Malaysia akan menjadi lemah di dalam rundingan-rundingan dengan syarikat-syarikat di luar negeri untuk kilang LNG kerana kita telah terikrar sebegitu, berat untuk membeli tangki-tangki tersebut.

Perkara yang dianggap tenat ialah andainya jika kerja-kerja untuk tangki-tangki itu tidak diperolehi serta-merta, MISC tidak dapat mengelakkan diri membayar di antara $2-$3 juta tiap-tiap tahun atau $40 juta untuk tiga tahun yang akan datang. Yang membebankan ialah faedah yang dikenakan iaitu 8% setahun akan menelan belanja $180 juta kepada MISC untuk tahun 1980-1982 iaitu tahun-tahun yang tidak ada kerja.

Punca-punca yang boleh dipercayai menyatakan bahawa isu ini telah merenggangkan hubungan pihak kerajaan dan Encik Kuok, yang sekarang tinggal di Hong Kong.

Berita asalnya dari STAR pada 18hb. Mei 1978

Headline MISC's $220 m Nightmare

The MALAYSIAN International Shipping Corporation is expected to lose $200 million over three years because its five liquefied natural gas carriers will have no work till 1982. The shipping line will take delivery

of the tankers, each costing $150 million, at the end of 1979.

Orders for these tankers were placed with two French shipyards several years ago to move gas from Bintulu in Sarawak, where the Government proposed to build a liquefaction plant. Because of various reasons, the gas project did not take off as scheduled. And according to current estimates, it will not start production until early 1983.

According to the Asian Wall Street Journal, the director and general manager of MISC, Mr. Leslie Eu, has said that a task force been set up to look for possible solutions.

The Journal quoted Mr. Eu as saying: "Drawn from MISC's top management, it keeps tabs on the worldwide shipping market, monitors related business activity, government policy and ventures abroad for personal contacts.

"It (the search for solutions) has been top priority as far back as 1976, and it has taken a considerable amount of time."

## OBVIOUS TASK

So far MISC has been able to persuade the builders to delay work so that the vessels will arrives at the end of 1979, and not the second quarter of the year as specified in the original contract.

Three of the carriers are being built by Francedunque and two by contruction Navales Industrielles Miditerrane, known as CNIM.

Fresh financing has also been negotiated with the French Government for more favourable repayment terms, though reportedly at added cost.

All others efforts have hit snags. The most obvious task is to find intermediate work for the carriers while waiting to do the job they built for.

For this nearly impossible because LNG carriers are highly specialised.

"There is no possiblity of using these ships for purposes other than they are special breed of ship to do a specific job. They have no flexibility in any other trade," Mr Eu said.

MISC's vessels will be fitted with what is known in the industry as the Gas transport membrance containment system.

Essentially, it consists of tanks so well insulated that they do not require any refrigeration system to maintain natural gas in a liquid state, by keeping it at minus 260 degrees Fahrenheit.

Outsiders sometimes do not appreciate the difficulty in finding alternative work.

For instance, one well-meaning businessman from a South-East Asian country has written to MISC asking if the management is interested in using the ships to transport petrol.

The task force has traced 10 LNG projects to see if they can do with a little extra transport capacity. None is interested.

The next step has been to identify purposed LNG projects with any possibility of on-stream before 1983.

Latest assessments indicate there are 10, all of which, but one at Arun in Indonesia, would use vast Algerian gas deposits as the source of supply.

A key element for MISC is the intention of no fewer than six out of the 10 to market their LNG in the U.S.

President Jimmy Carter's administration has approved imports from some but doubt remains above the others.

For those approved, the start-up times still depend on when the U.S. Government gives the approval.

In addition to using representatives in the U.S. to read policy and market developments, the MISC task force is believed to visit America fairly often to make personal contract.

Similarly, team members from time to time go to Algeria, which is addition to the projects aimed to the U.S., is planning LNG ventures for France, West Germany, Belgium and Italy.

"We've been in contact with sources of supply and potential purchasers, mainly the large U.S. utility companies. They represent our best bet," one task force member said.

Mr. Eu is inclined to the view that there's "some hope" that work can be found for the tankers, although others, including international financiers, doubt it.

Surprisingly, the potentially disastrous dicision to order tankers before the agreement was signed for the Bintulu plant has generated little debate in the country, even though the Government has a controlling in MISC.

Some economist and others are extremely critical of the decision.

"What intrigues many is the haste with which the investments is the LNG carriers are made," Mr. V. Kanapathy, economic advisor to the United Malayan Banking Corporation has been quoted as saying in a magazine interview.

"It is not a question of hindsight or foresight, it is question of total lack of robust business sense," he said.

Mr. Eu emphasises that the vessels were not ordered speculatively.

He said: "The original critical path projected that the LNG project would come on stream in the spring of 1979.

"It is generally acknowledged that the LNG projects round the world have had a tendency to slip."

In these circumstances, observers feel it is all the more intriguing why MISC should commit itself in advance to a sophisticated, costly purchase which the observers believe should not have been made anyway.

Many businessmen talk of MISC having been subject to political pressures.

The consequences of the decision to buy the ships early are all too apparent, critics charge. Detractors make these points:

* By ordering them in 1975, MISC bought at the top of the market and paid 50 to 60 per cent more than current prices.

* The contract includes escalation clauses covering such things as Labour, which means the cost of the carriers is still rising though the botton has fallen out of the tanker market.

Malaysia could have been vulnerable to pressure during negotiations with foreign companies for the LNG plant because its contract to buy the carriers commits it heavily to the project.

The biggest crunch is, however yet to come. If no intermediate work is found for the vessels they will have to be mothballed at a cost of $2 million to $3 million, or a total of $40 million for the three years.

Much more damaging, interest charges and lack of income would cost the MISC an estimated eight per cent a year on its total outlay for the carriers - or about $180 million for the 1980-82 idle period.

This anticipated loss of $220 million campares with MISC's accumulated profit totalling $28.1 million at the end of 1976, assets excluding those under construction of $208.9 million and paid up capital of $10.4 million.

In his annual report, MISC chairman Robert Kuok described the need to minimise the effect of the delay with the LNG plant as "the most important challenge facing the corporation."

Sources say the issue has strained relations between the Government and Mr. Kuok, who now lives in Hong Kong.

Directly or indirectly, the government has a 61 percent stake in MISC, with the rest of the equity in the hands of individuals such as Mr. Kuok and Mr. Eu and Malaysian Organisations.

Asked if there is any possibility of government compensation for the Bintulu delay, Mr. Eu said: "No,"

Pada 19hb. Mei Suratkhabar Star menyiarkan berita mengenai MISC seperti berikut:-

(terjemahan)

Labuan Khamis. Presiden Suharto telah memberi jaminan akan membantu Malaysia seberapa boleh untuk mengatasi masalah yang timbul dari lima buah tangki gas cecair yang akan dibekalkan kepada MISC (Malaysian International Shipping Corporation).

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn berkata hari ini masalah itu telah dibincangkan dalam perbincangannya dengan pemimpin Indonesia itu.

MISC telah menempah tangki-tangki dari negara Peranchis dengan jangkaan projek LNG (gas cecair) di Bintulu Sarawak akan bermula pada 1983.

Tangki pertama dari lima buah tangki yang masing-masing berharga $150 juta nilai ringgit Amerika akan dibekalkan pada bulan September tahun depan.

Berita asal seperti yang tersiar dalam akhbar Star. 19hb. Mei, 1978. Headline MISC: SUHARTO PROMISES AID Labuan Thurs.

President Suharto has promised all possible help to Malaysia to tide over the problem arising from the early delivery of five Liquefied Natural Gas tankers to the Malaysian Shipping Corporation.

Prime Minister Datuk Hussein Onn said today the problem was discussed in his talks with the Indonesian leader here.

MISC ordered the tankers from France in anticipation of the completion of the Bintulu LNG plant in Sarawak, which will now only come on stream in 1983.

The five tankers will cost the national shipping line a loss of US$220 million until the late 1982 because they will have nothing to do until then.

The first of the five tankers, each costing US$150 million, will be delivered in September next year.

## ULASAN DAN PENDAPAT SAYA:

Saya telah membuat ulasan dan memberikan komen mengenai berita yang disiarkan oleh STAR.

Kenyataan penuh saya berbunyi

"Saya tertarik dengan berita yang tersiar di dalam akhbar STAR mengenai masalah lima tangki LNG yang dibeli oleh Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) Hutang begitu besar akan dibeban-

kan kepada rakyat kerana Syarikat Perkapalan tersebut mempunyai 61% penyertaan Kerajaan Pusat dan badan-badan berkanun. Ini telah mendorongkan saya untuk menyiasat terlebih dalam dan demi kepentingan orang ramai, saya berharap pandangan-pandangan yang saya beri dapat disiarkan membolehkan pihak yang berkenaan menjawabnya.

Saya berpendapat bahawa adalah susah bagi kita untuk menerima bahawa MISC sahaja bertanggungjawab membuat keputusan membeli 5 tangki Liquid Nitrogen Gas yang berharga lebih kurang US$700 juta atau M.$1,700 juta. Membuat keputusan mengikut satu tanggungjawab kewangan yang sebegitu besar hanya boleh dibuat dengan underwriting dan jaminan Kerajaan Pusat bagi pihak Syarikat Perkapalan Antarabangsa. Sebagaimana diketahui tangki-tangki itu adalah untuk kegunaan projek Bintulu, yang mengeluarkan gas bagi pasaran dunia, dan kerana Petronas bertanggungjawab di bawah Akta Petrolium di dalam semua aspek development dan kontrol hasil minyak dan gas cecair di negara kita, maka susah hendak dipercayai jika Petronas tidak dirunding berkenaan merancang, memesan dan menggunakan tangki-tangki tersebut.

Cuba kita teliti apakah implikasi di dalam segi kewangan mengenai masalah tangki-tangki yang dimaksudkan itu. Pertama, saya melihat tidak ada satu jaminan, iaitu sehingga menunggu masa kita sendiri boleh menggunakan tangki-tangki itu, tangki-tangki tersebut boleh disewakan dengan mendapat bayaran lumayan sehingga sampai waktu masa MISC sendiri boleh menggunakannya. Seyogia diingat bahawa tangki-tangki akan diserahkan kepada MISC sebuah demi sebuah pada tiap-tiap 6 bulan, mulai tahun 1979 hingga penghujung tahun 1981. Sungguhpun Indonesia te-

lah ditawarkan oleh Datuk Hussein Onn di waktu pertemuannya dengan Presiden Suharto di Labuan tetapi tidak boleh ditentukan yang Indonesia benar-benar sanggup menggunakan tangki-tangki tersebut. Ini adalah kerana besar kemungkinan negara-negara yang mengimport gas cecair dari Indonesia akan menggunakan tangki-tangki mereka sendiri. Jika direnungkan, kita tidak boleh terlalu optimistik disebabkan oleh pasaran dunia bagi tangki-tangki minyak dan gas cecair telah sampai kepada peringkat di mana didapati syarikat-syarikat perkapalan yang benar berebut-rebut menawarkan tangki-tangki minyak di seluruh dunia tidak dapat pelanggan dan ini membawa kepada beberapa buah syarikat perkapalan terpaksa ditutup.

Pertamina, iaitu agensi minyak nasional di Indonesia mengalami bukan sahaja kerugian di dalam segi pentadbiran dan pengurusan, tetapi lebih-lebih lagi di dalam segi membeli tangki-tangki minyak dan gas tanpa dirancangkan terlebih dahulu sehingga membawa beberapa problem yang telah merugikan Pertamina berjuta-juta ringgit dan menghadapi perbicaraan dari satu mahkamah ke satu mahkamah. Dari itu tidak semudahnya pihak Pertamina mengguna dan menyewa tangki-tangki orang lain walhal mereka mempunyai tangki-tangki sendiri lebih daripada bilangan yang diperlukan oleh Pertamina. Jika MISC tidak dapat menerima hasil yang penuh daripada tangki-tangki yang akan dibeli oleh mereka satu masalah akan timbul iaitu sama ada MISC mempunyai kebolehan membayar hutang-hutang dan faedah serta belanja penyelengaraan tangki-tangki tersebut. Seimbas pandangan mengenai kedudukan kewangan MISC kita dapati MISC adalah ibarat sebuah sampan kecil di tengah-tengah lautan yang bergelora menunggu masa dan ketika untuk tenggelam. MISC mempunyai modal terkumpul (paid-up) berjumlah $25 juta dan di dalam

tempoh 10 tahun umurnya dapatlah mengadakan satu reserve fund $67 juta. Sekurang-kurangnya kita saksikan bahawa dalam satu tahun sahaja, dengan MISC membayar faedah dan belanja tangki-tangki berjumlah $140 juta, akan membawa kepada kesemuanya harta dan modal syarikat tersebut kehabisan dan ini pula akan membawa kepada MISC menjadi bankrup.

Seyogia diingat bahawa MISC adalah syarikat perkapalan kebangsaan kita dan jika sesuatu terjadi padanya akan mencemarkan imej Malaysia bukan sahaja di negara kita tetapi di kalangan antarabangsa. Dari itu saya percaya Kerajaan Pusat akan mengambil alih tanggungjawab pembelian tangki LNG itu dar Kerajaan kita akan menghormati hutang dan faedal yang akan dibayar dari setahun ke setahun.

Malaysia mempunyai nama baik di dalam kedudukan credit rating antarabangsa; dari itu tanggungjawab LNG akan menjadi bebanan kepada Kerajaan sehingga masalah itu diatasi.

Walau bagaimanapun jika analisa dibuat mengenai masalah pembelian tangki-tangki tersebut kita tidak sekali-kali mengerti mengapa pakar-pakar perniagaan yang bertanggungjawab mentadbirkan MISC telah membuat dua keputusan yang bertentangan dengan business sense. Pertama, bagaimana satu keputusan membeli tangki-tangki tersebut dibuat sebelum master plan membina projek Bintulu diselesaikan? Projek Bintulu akan menelan belanja US$1,000 (tidak termasuk harga tangki-tangki) dan ini menggambarkan pelaburan model yang begitu besar bagi satu projek di negara kita. Kita masih ingat bahawa projek Bintulu dilancarkan sesudah perbincangan di antara Petronas, Anglo-Dutch Shell dan Mitsubishi di akhir tahun 19-77. Kita jua masih ingat bahawa kelambatan mendiri-

kan rancangan Bintulu itu adalah kerana syarikat Anglo-Dutch Shell dan Mitsubishi pada mula-mulanya ragu menerima syarat yang dikenakan oleh Petronas di mana Petronas perlu diberi share-equiti di dalam syarikat-syarikat minyak dan tiap-tiap share mempunyai 500 suara undi (voting rights). Walau bagaimanapun persetujuan telah tercapai di mana projek Bintulu mempunyai share equiti 65% Petronas dan 35% di antara 2 syarikat asing yang tersebut tadi; dan projek ini hendaklah disempurnakan selewat-lewatnya pertengahan tahun 1982. Kita hendaklah sedar bahawa projek yang sebegitu besar bukan mudah dilancarkan dan tentu akan menghadapi beberapa masalah adalah perkara biasa yang akan melambatkan projek tersebut. Kedua, apa yang jua patut disedari ialah masalah pengangkutan gas cecair adalah satu bidang yang terlalu komplek dan penuh merbahaya. Teknologi di dalam bidang ini sangat sophistikated dan sangat jauh daripada tujuan asal MISC ditubuhkan. Kita tidak mengerti mengapa sebuah syarikat perkapalan yang kecil seperti MISC menceburkan dirinya di dalam satu bidang di mana mereka tidak ada mempunyai pengalaman. Kepada saya soalan yang masih tinggal ialah rakyat Malaysia akan memikul beban atau hutang $140 juta setahun. Dari itu saya menegaskan supaya satu siasatan dibuat menentukan siapa yang bertanggungjawab di dalam perkara ini dan jika ada penyelewengan maka hendaklah yang terlibat itu disingkirkan serta Kerajaan Pusat mengambil-alih pentadbiran dan pengurusan kuatkuasa MISC.

## APA KOMEN ORANG RAMAI DI MALAYSIA & INDONESIA:

Terjemahan dari berita yang disiarkan oleh akhbar STAR 20hb. Mei 1978.

Kerajaan telah digesa supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasat untuk menyiasat perjalanan MI–SC.

Wakil Rakyat Kuala Selangor, Datuk Raja Nasron bin Raja Ishak berkata Suruhanjaya itu hendaklah dipengerusikan oleh Juru Odit Negara dan bertanggungjawab kepada kabinet.

Datuk Raja Nasron membuat rayuan ini selepas membaca akhbar Star pada 18hb. dan 19hb. Mei mengenai kerugian lebih dari $500 juta yang mungkin menimpa MISC kerana kecuaian mengenai lima buah tangki gas cecair.

MISC akan mula menerima tangki-tangki pada penghujung tahun depan. Tetapi tangki itu tidak dapat digunakan hingga 1983 tatkala projek gas cecair Bintulu Sarawak dimulakan. Wang faedah dan penyelenggaraan pada jangka masa tersebut akan membebankan MISC sebanyak $500 juta.

Datuk Raja Nasron berkata "Perdana Menteri boleh memberi laporan kemajuan kepada Parlimen semasa penyiasatan sedang berjalan."

Suruhanjaya itu harus dibenarkan menyiasat segala perjalanan MISC sejak ia ditubuhkan.

Oleh kerana Kerajaan mempunyai 61 peratus saham dalam MISC, ia berhak untuk mengetahui apa yang sedang berlaku. Rakyat pun mempunyai hak kerana pelaburan Kerajaan itu menggunakan wang rakyat.

Datuk Raja Nasron menuduh pembelian tangki-tangki itu bukan merupakan keputusan MISC yang

kurang bijak yang pernah dilakukan oleh Perbadanan tersebut.

"Tangki-tangki ini berharga $220 juta wang US (kira-kira $528 wang Malaysia sekarang ini) dan projek cecair itu hanya akan bermula tiga tahun lagi. "Orang ramai harus diberitahu bagaimana dan siapa yang membuat keputusan untuk membelinya." Datuk Raja Nasron juga menyeru supaya pegawai-pegawai yang terlibat disingkirkan.

Perbadanan seharusnya diketuai oleh seorang pegawai tinggi Kerajaan sebelum berlaku lagi sebarang kekecohan.

Katanya perkara ini harus menjadi keutamaan Kerajaan kerana Perdana Menteri telah berjanji kepada rakyat bahawa Kerajaannya "adalah bersih, jujur dan cekap."

Seorang jurucakap Jabatan Perdana Menteri enggan mengulas cadangan Datuk Raja Nasron.

Di Pulau Pinang satu pertubuhan reformasi, ALIRAN, juga menyeru supaya satu Suruhanjaya dibentuk untuk menyiasat perjalanan MISC.

Encik Ariffin Omar, Setiausaha Aliran berkata "Suruhanjaya itu patut menentukan sama ada ia adalah perancangan yang lemah atau orang-orang individu mendapat kesempatan dari pembelian itu."

Encik Ariffin berkata wang itu boleh digunakan untuk mewujudkan pekerjaan membina rumah kepada setinggan dan membina klinik untuk orang miskin. Katanya perancangan kurang bijak yang melibatkan MISC, di mana mempunyai kepentingan yang banyak, rakyat mempunyai hak untuk membantah.

Sementara itu Setiausaha Negara Indonesia Lt. Gen. Sudharmono berkata bahawa negaranya sanggup menggunakan tangki-tangki gas cecair Malaysia jika negara-negara yang mengimport gas cecair (Indonesia) tidak mensyaratkan bahawa tangki-tangki hendaklah dibawa oleh tangki-tangki negara-negara tersebut.

Itulah sebabnya Indonesia tidak dapat memberi jawapan yang tepat kepada Malaysia.

General Sudharmono yang mengiring Presiden Suharto ke pertemuan dengan Datuk Hussein di Labuan berkata Indonesia sedang mengkaji dengan seriusnya perkara tersebut.

Katanya selain dari aspek teknik tangki-tangki itu, pengangkutan gas cecair bergantung kepada perjanjian antara Indonesia dan negara pengimport.

"Jika negara-negara pengimport bersetuju bahawa pengangkutan gas cecair Indonesia tidak perlu dilakukan oleh tangki-tangki mereka, Indonesia sangat bergembira untuk menggunakan tangki-tangki Malaysia.

Laporan asal dalam Akhbar STAR bertarikh 20hb. Mei,

The Government was asked today to set up a commission of inquiry to look into the activities of the Malaysian International Shipping Corporation.

The MP for Kuala Selangor, Raja Nasron bin Raja Ishak, said the commission should be headed by the Auditor-General and answerable to the Cabinet.

Raja Nasron was prompted to make this call after reading in yesterday 'STAR' about the over $500

million loss the MISC is expected to incur because of a bungle over five Liquefied Natural Gas tankers.

The MISC will take delivery of the tankers by the end of next year. But they will have no work until 1983, when the gas project in Bintulu, Sarawak comes on-stream. Interest and maintainence charge during this period will cost the MISC more than $500 million.

Raja Nasron said: "The Prime Minister can give progress reports to Parliment while the investigations are proceeding."

"The commission should be allowed to investigate all activities of the MISC since it was first set up."

"Since the Government own 61 per cent of the shares in the corporation, it has the right to know as the Government investment was made with public funds."

Raja Nasron alleged that the buying of the tankers was not only bad management decision by the corporation.

"These tankers are going to cost the MISC US$220 million (about $528 at today's rates) in the next three years until the Bintulu gas field comes on stream."

"The public should be told exactly how and by whom the decision was made to buy them," he said.

Raja Nasron also called for the removal of these top officials.

"The Corporation should be headed by a top Government servant immediately before any more mess is created," he said.

This should be one of the priorities of the Government since the Prime Minister had promised the people that it would be "cleaned, sincere and efficient."

A spokeman of the Prime Minister's Department declined to comment on Raja Nasron's suggestions.

In Penang, a reform movement, Aliran, also called for the appointment of a commission to investigate the MISC.

Encik Ariffin Omar, secretary of Aliran said. "The commission should determine whether it was bad planning, or whether individuals benefited financially from the deal."

Encik Ariffin said the money could have been used to jobs for the unemployed, build houses for the slum dwellers and construct clinics for the poor. He said when bad planning involved an organisation like MISC, in which the Government had controlling interest, the public had every right to protest.

Meanwhile, Indonesia's State Secretary Lt. Gen. Sudharmono said that his country was prepared to use Malaysian LNG carriers to transport its LNG products overseas as long as the importing countries did not insist on using their own tankers.

For this reason, Indonesia could not give a definate answer to Malaysia, he told reporters here.

Gen. Sudharmono, who accoimpanied President Suharto to the meeting with Datuk Hussein Onn in

Labuan, said the offer, however, was being seriously considered by Indonesia.

He explained that apart from the technical aspects of the carriers, tha transportation of LNG depended on the agreement reached between Indonesia and the importing country.

If the importing country agrees that the shipment of Indonesia LNG is not to be handled by its own tankers, Indonesia will be very happy to use Malaysian carriers, he said.

Pada 1hb. Ogos, 1978 Syarikat Malaysia LNG Sendirian Bhd., dilancarkan. Sebuah akhbar tempatan melaporkan berita itu seperti berikut.

Malaysia LNG Sendirian Berhad akan dapat membuat penghantaran gas cecair aslinya yang pertama ke Jepun pada 1hb. Januari 1983.

Pengerusinya, Tan Sri Kadir Shamsuddin berkata, semenjak perjanjian usahasama yang ditandatangani antara Petronas, Shell Gas B.V. Netherlands dan Mitsubishi Corporation Jepun, kerja-kerja perlaksanaan projek carigali di Bintulu berjalan lancar.

Berucap di upacara merasmikan pelancaran syarikat usahasama itu di sini malam ini, beliau menambah projek gas cecair asli ini merupakan salah satu pelaburan yang terbesar pernah dibuat di negara ini dan ketiga-tiga pihak yang terlibat sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mempastikan kejayaannya.

Menurut beliau rundingan masih lagi berjalan dengan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) berhubung dengan penyewaan kapal-kapal minyaknya untuk mengangkut gas cecair itu.

Sementara itu satu kenyataan sempena pelancarannya Malaysia LNG Sendirian Berhad berkata, ia kini menjalankan sepenuhnya projek pencarian di Bintulu yang berharga M$2 ribu juta.

Malaysia LNG Sendirian Berhad ialah usahasama antara tiga pihak iaitu Petronas (64 peratus) Shell Gas B.V. dan Mitsubishi Corporation Jepun masing-masing 17 peratus.

Di bawah perjanjian yang telah ditandatangani, Malaysia LNG akan membeli gas asli dari Petronas dan Sarawak Shell untuk dicairkan dan kemudian dieksport.

Malaysia LNG akan juga membina dan mengendalikan pusat untuk mencairkan gas tersebut. Pusat pencairan itu terletak di Bintulu dan dijangka siap lewat 1982. Bila siap kelak pusat pencairan itu akan dapat mengeksport enam juta tan gas cecair asli setiap tahun.

Ini bersamaan 140,000 tong sehari dan boleh membawa pendapatan dalam lingkungan US$700 juta setahun.

Kuala Lumpur 1 Ogos. Datuk Hussein Onn malam ini mensifatkan Malaysia LNG Sdn. Bhd., satu syarikat usahasama antara Pentronas, Shell Gas B.V. dan Perbadanan Mitsubishi - sebagai pengawas gas asli yang merupakan salah satu sumber paling berharga negara.

Perdana Menteri berkata, syarikat itu akan juga memainkan peranan penting dalam menambah hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan di samping menggalakkan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun.

Berucap melancarkan syarikat itu di sebuah hotel terkemuka malam ini, Datuk Hussein berkata syarikat itu akan memberi faedah kepada Sarawak oleh kerana negeri itu akan mendapat royalti dari pengeluaran hasil gas.

"Syarikat LNG ini adalah contoh baik kerjasama yang sentiasa digalakkan oleh kerajaan antara pengusaha tempatan dengan asing," ujarnya.

"Kerajaan Persekutuan akan mendapat faedah dari hasil yang dikeluarkan oleh syarikat itu dan tidak kurang pentingnya, ialah hal bahawa Jepun akan juga menerima faedah dengan mendapat sumber tambahan bekalan asli cecair," katanya.

Datuk Hussein menyatakan sumber ini akan membekalkan kira-kira enam juta tan gas asli cecair (LNG) kepada Jepun setiap tahun bagi tempoh 20 tahun.

Dengan membekalkan Jepun gas tersebut perdagangan antara kedua negara akan meningkat lagi dan lain-lain bentuk kerjasama dapat diperluaskan, kata beliau.

Projek itu akan mendatangkan faedah kepada Sarawak oleh kerana ini memberi sumbangan terhadap perkembangan Bintulu. Kerajaan negeri sendiri sedang menyediakan satu pelan induk bagi pembangunan kawasan Bintulu.

Pelaburan air dalam sedang dibina sekarang di Bintulu bagi mengendalikan tidak saja pengangkutan gas asli cecair malahan lain-lain kargo dan sebuah kilang urea ke lain-lain negara ASEAN, akan didirikan dekat kilang gas tersebut bagi memudahkan bekalan gas dari sumber yang sama.

Datuk Hussein berkata projek LNG juga dapat mengadakan peluang pekerjaan dan pembekalan perkhidmatan dan kemudahan tambahan.

Beliau mengambil perhatian bahawa syarikat tersebut akan menggunakan kapal-kapal pembawa gas asli cecair Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan ini memberi untung kepada perbadanan itu.

Datuk Hussein menekankan bahawa petrolium dan gas merupakan harta hangus oleh itu penggunaan dan penghasilannya perlu dirancang dengan sempurna supaya sumber itu tahan lebih lama dan dapat diketahui keperluan sebenar negara. Malaysia LNG Sdn. Bhd., tidak harus dipandang sebagai syarikat perdagangan biasa tetapi sebagai pengawas salah satu sumber berharga negara, ujarnya.

Datuk Hussein mengingatkan hal ini dan walaupun memang wajar mereka mencari untung ia hendaklah juga melindungi kepentingan nasional.

Laporan tahunan MISC telah dijadikan bahan berita oleh beberapa buah akhbar tempatan. Sebuah akhbar tempatan melaporkan.

Kuala Lumpur 16hb. Ogos, keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) bagi tahun 1977 merosot sebanyak $17 juta dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Menurut pengerusinya, Encik Kuok Hock Nien, keuntungan yang diperolehi oleh perbadanan itu tahun lalu ialah kira-kira $1.5 juta berbanding dengan $18.5 tahun 1976.

Encik Kuok berkata hari ini, sebab utama kemerosotan tersebut ialah kadar tambang yang lebih rendah daripada belanja-belanja pengendalian.

"Tahun lalu merupakan tahun yang paling muram bagi tuan-tuan punya kapal antarabangsa," katanya dalam laporan tahunannya.

Encik Kuok melahirkan keyakinan keadaan tambang yang tidak menggalakkan itu tidak akan berpanjangan dan akan dapat diperbaiki dalam tidak berapa lama lagi.

Beliau lalu mengumumkan pihak pentadbiran, sedang mengambil langkah-langkah tegas untuk memperbaiki keseluruhan kecekapan dan keuntungan syarikat.

"Langkah-langkah itu termasuk langkah kawalan belanja yang ketat yang mana hasilnya dijangka akan dapat dilihat tidak berapa lama lagi," jelasnya.

Encik Kuok juga mengumumkan rancangan MISC untuk bergiat dalam perdagangan kontena.

Katanya dua buah kapal kontena telah pun dipesan dari Jepun dan kapal pertama akan tiba dalam bulan April, 1979 sementara yang kedua pada bulan Julai tahun ini.

"Langkah ini akan mempastikan agar pihak syarikat dapat mengekalkan perkongsian minima dalam kegiatan di bawah Persidangan Tambang Kapal Timur Jauh (FEFC)" jelasnya.

Mengenai kemajuan terakhir kegiatan kapal minyak gas cecair asli, Encik Kuok berkata, perjanjian yang

ditandatangani oleh MISC dengan Syarikat Gas Cecair Asli Malaysia pada bulan Mac lalu mempastikan penggunaan sepenuhnya lima buah kapal minyak MISC.

"Pihak kami sedang berusaha untuk membolehkan penggunaan kelima-lima buah kapal itu sebelum 1 Januari, 1983 dan jika ini berjaya maka keuntungan syarikat akan dapat diperbaiki lagi," tegasnya.

Menyuarat tahunan MISC telah dilaporkan oleh akhbar New Straits Times seperti berikut.

Terjemahan berita dari New Straits Times pada 18/8/78.

Pengerusi MISC Encik Kuok Hock Nien membayangkan bahawa kadar tambang mungkin dinaikkan.

Katanya kadar sekarang tidak lagi ekonomik dan tidak boleh dikekalkan dan pandangan ini adalah merupakan pandangan kebanyakan tuan punya kapal.

"Kami berharap bahawa keadaan ini akan bertambah baik" beliau memberi tahu mesyuarat tahunan MISC.

Encik Kuok berkata perbadanan telah mengadakan rancangan untuk mengambil bahagian dalam perniagaan kontena.

Dua buah kapal kontena telah dipesan dari Jepun dan akan siap pada April dan Julai depan. Ini akan menjamin bahawa MISC mengekalkan bahagiannya dalam perniagaan perkapalan seperti dikehendaki oleh Far East Freight Conference.

Kedua-dua kapal tersebut akan dikendalikan secara usaha sama dengan Scan Dutch consortium.

Encik Kuok berkata untuk membaiki kecekapan dan keuntungan MISC, pihak pengurusan sedang mengambil langkah-langkah untuk menguatkuasakan "cost control" yang lebih ketat. Hasil-hasilnya dijangka dapat dilihat tidak lama lagi.

Katanya MISC meneruskan usaha untuk mencari kerja bagi lima buah tangki gas cecair di antara tahun 1979 dan 1 Januari 1983.

Tangki-tangki itu telah dipesan dengan harga $1,700 juta dari syarikat Peranchis untuk mengangkut gas cecair dari Bintulu Sarawak.

Tangki pertama dari lima buah akan disampaikan pertengahan tahun depan 3 tahun lebih awal dari siapnya projek Bintulu.

Encik Kuok berkata keuntungan MISC selepas ditolak cukai telah jatuh dari $18.5 kepada $1.4 juta ringgit tahun lepas. Laporan asal dalam bahasa Inggeris.

Kuala Lumpur, Thurs. Malaysian International Shipping Corporation Chairman, Mr. Kuok Hock Nien give a hint today that frieght rates may go up in the near future.

He said the present depressed or uneconomic frieght rates could not last forever, and this view was shared by most shipowners.

"We are therefore hopeful that the frieght situation will improve in the not too distant future," he told the MISC's annual meeting.

Mr. Kuok said the corporation had drawn up plans to participate in the container trade. Two container ships had been ordered from Japan, and would be delivered in April and July next year.

This would ensure that the company maintained its minimum share of the liner trade operated under the Far East Freight Conference.

The two ships would be operated as part of a joint service with the well known Scan Dutch consortium.

Mr. Kuok said to improve the MISC's efficiency and profitability, the management was taking steps to enforce the strictest cost-control measures, the results of which should become visible in the near future.

He said MISC was continuing with its efforts to find work for the five liquefied natural gas (LNG) tankers between late 1979 and Jan, 1 1983.

The tankers were ordered at a cost of $1,700 million from French Shipyards to carry gas from the Bintulu field in Sarawak.

The first of the carriers would be delivered in the middle of next year three years ahead of the completion of the Bintulu project.

Mr. Kuok reported that MISC's after tax profits fell from $18.5 million to $1.5 million dollars last year.

Adalah satu perkara yang memberangsangkan isu MISC mendapat perhatian yang tidak kecil dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Oktober, 1978. Per-

dana Menteri telah dilaporkan sebagai berkata bahawa keputusan untuk membeli lima buah kapal-kapal tangki gas cecair asli adalah keputusan kerajaan. Ia bukan keputusan seorang individu baik dalam MISC mahupun dalam kerajaan, Datuk Hussein menyatakan.

Adalah diharapkan ikhtiar Kerajaan dan MISC bagi "mendapatkan kerja" untuk kelima-lima kapal tangki gas cecair asli itu hingga projek Bintulu mengeluarkan gas yang dijadualkan bermula awal tahun 1983 akan beroleh kejayaan. Kalau tidak, nampaknya semua rakyat Malaysia terpaksa menanggung beban kerana satu keputusan Kerajaan yang kebijaksanaannya boleh dipersoalkan oleh sebahagian besar rakyat terutama mereka yang tahu sedikit sebanyak soal perniagaan.

Mungkin usaha-usaha mencari kerja untuk kelima buah kapal gas cecair asli akan berjaya tetapi ini bukan soalnya. Isu pokok tetap kenapa kapal-kapal itu ditempah terlalu awal - inilah isu pokok yang memungkinkan seribu tanda tanya.